

Jilid 1
BU.40



Hari Jumaat
8hb Februari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5893]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [RUANGAN
5932]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undng-undang (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara
(Pindaan) [Ruangan 5933]

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) [Ruangan 5967]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.I., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri KerjaRaya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).
- Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh),
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- (Merbok).
- „ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
- „ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KJM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut),

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TINO CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.MJ. (Ledang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAK KWAN. A.M.N., P.P.N. (Raub).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Bandar Baharu).
Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim)
- Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.T. (Sri Gading).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONO SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINOOOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONO CHOY (Lipis).
- Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementehaan Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO* ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUOLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
DR V. DAVID (Puchung).
TUAN FONG KUI LUN (Klang).
TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tengah).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

„ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ TUAN LIM GUAN ENO (Kota Melaka).

„ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM KIT SUNG (Tanjong),

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

„ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

„ TUAN MICHAEL ASANO, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.I.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.,
K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

„ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

„ DATUK MONGGOH OROW, P.O.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

„ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (BAGAN SERAI).
- TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENO GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- DATUK AMAR JAMES WONO KIM MIN (Bintulu).
- TUAN JASON WONG SINO NANO (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., I.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd, Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 8hb Februari, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Dato' K. Kumaran.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-
Pertua, ada satu pembedulan. Latar
Bongsu di Sungkai, Negeri Perak, bukan
Sungai Perak. Soalan pertama.

**LATAR BONGSU SEBAGAI
PUSAT TARIKAN
PELANCONGAN**

1. Dato' K. Kumaran minta Menteri
Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
menyatakan langkah-langkah yang
diambil oleh Kementeriannya untuk
memajukan Latar Bongsu di Sungkai,
Perak sebagai suatu tempat pelancongan
di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin
Suliman):** Tuan Yang di-Pertua,
pembangunan pelancongan di peringkat
negeri-negeri dirancang di peringkat
negeri yang berkenaan terlebih dahulu,
sebelum ianya dikemukakan kepada
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan untuk diteliti dan dibuat

perakuan. Mengenai kawasan Latar
Bongsu di Sungkai, Perak, ingin saya
memaklumkan di sini bahawa Kerajaan
Negeri Perak setakat ini bclum pun
membuat apa-apa cadangan kepada
Kementerian ini untuk membangunkan
kawasan itu sebagai sebuah pusat tarikan
pplancongan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Taimin bin Lumaing.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Taimin bin
Lumaing tidak hadir)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin
Jendol.

*(SoalanNo. 3 Y.B. Tuan Haji Ibrahim
bin Jendol tidak hadir)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin
Mahmood.

*(Soalan No. 4 Tuan Haji Ibrahim bin
Mahmood tidak hadir)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Maidom P. Pansai,

*(SoalanNo.5 Tuan Maidom P. Pansai
tidak hadir)*

SISWAZAH MENGANGGUR

6. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob
minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) jumlah pengangguran di
kalangan siswazah mengikut
kategori kemahiran;

- (b) jumlah expatriate (pegawai dagang) di Malaysia yang bertugas; dan
- (c) tenaga buruh luar negeri yang berdaftar.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Bilangan siswazah menganggur yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat untuk mendapat pekerjaan sehingga bulan Jun 1990 ialah seramai 4,864 orang. Daripada jumlah ini 2,830 orang berkelayakan ijazah manakala 2,034 lagi adalah pemegang diploma. Pecahan mereka mengikut bidang kelulusan adalah seperti berikut:

<i>Bidang Kelulusan</i>	<i>Jumlah Penganggur Siswazah</i>
1. Kejuruteraan	889
2. Pentadbiran dan Pengurusan	720
3. Pemasaran dan Jualan	127
4. Ekonomi dan Kewangan	835
5. Bangunan dan Binaan	359
6. Komputer dan Statistik	373
7. Sains dan Teknologi	369
8. Mikrobiologi	567
9. Perubatan dan Kesihatan	56
10. Pendidikan	140
11. Lain-lain	142

dan yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Awam berjumlah 7,055:

Profesional	1,021
Sains	1,084
Sastera	2,125
Pemegang Diploma Teknikal	813
Bukan Teknikal	1,985

- (b) Jumlah pegawai dagang yang diluluskan oleh Kerajaan berjumlah 3,542 orang.

- (c) Mengikut rekod yang ada di Jabatan Imigresen Malaysia, tenaga buruh luar negara yang berdaftar adalah seperti berikut (Perangkaan Buruh Asing pada 15-2-1990):

1. Pembantu Rumah Filipina	5,757
2. Pembantu Rumah Indonesia	498
3. Buruh Ladang Indonesia (Pcngambilan Biasa)	38
4. Buruh Ladang Indonesia	10,598
5. Buruh Thai	3,500
6. Buruh Ladang Bangladesh	462
Jumlah Keseluruhan	<u>20,853</u>

Tuan Haji Sukri bin Haji

Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh atau tidak Yang Berhormat menerangkan mengapakah sebabnya begitu ramai ataupun begitu banyak jumlah penganggur-penganggur di kalangan siswazah di negara ini sehingga meningkat yang berdaftar dengan JPA sahaja sudah 7,000 lebih dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pengangguran di kalangan siswazah ini?

Berhubung dengan soalan (c), juga saya minta penjelasan yang sama, mengapakah berlaku begitu ramai kemasukan tenaga buruh asing yang bekerja di dalam negara ini sedangkan kalau kita tengok kemasukan mereka ini bukanlah kerana atas sifat profesional mereka tetapi apa yang mereka sumbangkan ini sebenarnya boleh didapati dengan menggunakan buruh tempatan. Mengapa perkara ini boleh berlaku?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali sebab-sebab pengangguran berlaku di kalangan siswazah sebagaimana yang kita ketahui bahawa tugas Kerajaan ialah memberi pendidikan seberapa tinggi yang boleh kepada rakyat di negara kita. Dengan

sebab itu usaha Kerajaan memberikan pendidikan itu telahpun menyebabkan lebihan berlaku di dalam supply tenaga buruh dari kalangan siswazah ini. Dengan itu ianya tidak seimbang dengan pertambahan pekerjaan yang ada, dan keduanya, ialah memang terdapat sebahagian daripadanya yang memilih pekerjaan yang tidak mahu mereka ini diletakkan di dalam sektor swasta tetapi ramai yang ingin bekerja dengan Kerajaan. Itu adalah dua sebab mengapa berlakunya siswazah menganggur ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk menyelesaikan ataupun menghadapi masalah ini adalah diletakkan di bawah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan. Ianya terlalu panjang, Tuan Yang di-Pertua, ada 5 mukasurat, insya Allah, saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang keduanya ialah mengenai mengapa ramai buruh asing. Buruh asing yang diambil oleh Kerajaan ataupun yang dimasukkan daripada asing ke negara ini, mereka bekerja di ladang-ladang dan juga sebagai buruh binaan di mana didapati rakyat Malaysia kurang berminat untuk bekerja di bidang perladangan ataupun sebagai buruh pembinaan ini.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tambahan. Pertamaanya berkaitan dengan apa yang dikatakan sebagai SKS (Skim Khidmat Semcutara). Setakat manakah SKS ini telah berjaya membantu Kerajaan mengatasi masalah graduan menganggur dan setakat manakah daripada SKS ini telah diserap masuk ke dalam perkhidmatan Kerajaan?

Dan soalan yang keduanya, adakah Kerajaan dapat mengesan reaksi ataupun tindak-balas daripada kumpulan graduan menganggur? Adakah mereka tidak puas hati? Adakah mereka ini dipergunakan

oleh unsur-unsur anti-nasional untuk menimbulkan keresahan di kalangan rakyat atau adakah mereka ini dapat mengatasi perasaan seperti ini dan bersedia untuk membantu Kerajaan menjayakan ekonomi kita?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, SKS ini sejak ianya dilancarkan seramai 4,665 orang telahpun diberi kesempatan dan setakat ini sejumlah 3,436 orang ataupun 73.6% telahpun meninggalkan skim ini kerana mereka telahpun mendapat jawatan-jawatan yang dipohon oleh mereka. Setakat ini, nampaknya Kerajaan telahpun berjaya di samping menempatkan siswazah ini dalam SKS kemudian mereka telah meninggalkan setelah mendapat pekerjaan. Jadi, seramai 73.6% daripada skim ini telahpun berjaya mendapatkan pekerjaan di bidang masing-masing.

Yang keduanya, memberi kesan ataupun reaksi ini, Alhamdulillah, setakat ini Kerajaan dengan kerjasama badan-badan swasta yang dijemput oleh Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji kedudukan masa menganggur ini telah berjaya. Setakat ini mengumpul, membendung dan telah memberikan khidmat nasihat dan berbagai-bagai kemudahan yang diperlukan oleh siswazah ini, bagi mereka menceburi diri di bidang perniagaan atau apa sahaja yang diperlu oleh mereka bagi mengatasi masalah yang hadapi mereka. Sekarang reaksi yang negatif, saya suka katakan tidak wujud di kalangan mereka, malahan mereka memberi bekerjasama dengan mendaftar diri dengan Jabatan Tenaga Rakyat ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada angka yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan tenaga buruh asing, adakah pihak Kerajaan sedar bahawa pada masa ini terdapat ramai lagi

pekerja-pekerja ataupun tenaga buruh dari negara jiran yang bekerja di negara kita tanpa pendafiaran, iaitu secara haram, khususnya daripada negeri Thai, negeri Filipina dan Indonesia. Jika ya, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya Kerajaan kita dapat mendatar semua pekerja-pekerja asing yang masuk ke dalam negeri kita seperti katalah mengetatkan keluar-masuk di pihak Imigresen?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebenarnya pendatang haram ini sudah kita pasti tidak dapat untuk mengetahuinya. Jumlah yang saya berikan itu ialah jumlah yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen yang dibawa oleh agen-agen yang sah yang diiktirafkan oleh Kerajaan. Sudah pasti Kerajaan tidak akan mengambil ataupun mempermudah ataupun mengambil sambil lewa sahaja mengawal masalah ini kerana ianya adalah merupakan satu hubungan di antara Kerajaan dengan kerajaan. Kerajaan hanya akan mengambil mereka yang datang melalui jalan yang sah, melalui pendaftaran ataupun agen-agen yang didaftarkan oleh Kerajaan sahaja. Dan sudah pastilah Kerajaan akan mengawal pintu-pintu masuk ke negara kita dengan lebih ketat dan lebih baik bagi menjamin bahawa kemasukan ini akan dapat dikurangkan dan, insya Allah, kita boleh hapuskan pendatang ini.

PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan program-program jangka panjang dan pendek yang akan dilaksanakan dan apakah asas-asas keberkesanan implementasi program tersebut.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-

Pertua, dari segi jangka panjang, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan merangka dan melaksanakan program-program yang bertujuan untuk meningkatkan lagi perpaduan negara serta mencapai tujuan-tujuan dasar Kerajaan, khususnya dasar wanita dalam pembangunan, dasar kebajikan negara dan juga dasar pendudukan negara.

Dari segi jangka pendek pula, Kementerian akan melaksanakan program-program yang diluluskan di bawah Anggaran Belanjawan Tahunan seperti yang diluluskan oleh Parlimen. Pada amnya, keberkesanan pelaksanaan program-program oleh Kementerian akan dinilai dari segi tujuan, jadual pelaksanaan dan petunjuk-petunjuk pencapaian yang akan ditetapkan bagi tiap-tiap satu program.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dalam merangka program jangka pendek dan jangka panjang untuk mewujudkan perpaduan negara adakah Kementerian mempunyai Jawatankuasa Pemandu ataupun Jawatankuasa Perunding dalam merangka program-program tersebut? Kalau tidak, apakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Majlis Perunding yang mewakili semua pihak supaya setiap program dapat dilibatkan semua kaum bagi menentukan program jangka pendek dan jangka panjang itu dapat dilaksanakan?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ada Majlis Perunding ini dan sekiranya Yang Berhormat ini ingin menyumbangkan, silalah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang pertama kepada Yang Berhormat Menteri, di tahap manakah perpaduan negara yang kita telah capai sekarang ini? Dan yang

kedua, apakah permasalahan yang dihadapi oleh Kementerian Yang Berhormat?

Dato' Napsiah binti Omar: Tahap pencapaian perpaduan di negara ini, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita lihat daripada segi keadaan di dalam masyarakat kita. Kalau kita perhatikan dalam masyarakat kita ini yang berbilang kaum, berbilang bangsa dan berbilang agama, hanya satu sahaja sejarah hitam di dalam negara kita ini. Dan ini rasa saya adalah satu pencapaian yang baik kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain di seluruh dunia ini.

Soalan yang kedua tadi, lupa saya, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah permasalahan yang dihadapi oleh Kementerian Yang Berhormat sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya. Sudah baik, tidak ada masalah.

Dato' Napsiah binti Omar: Tak ada masalah. (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau tidak ada masalah, boleh tutup.

Dato' Napsiah binti Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua telahpun menjawab. (*Ketawa*)

PEJABAT KWSP DI TIAP-TIAP DAERAH

8. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Pejabat KWSP di tiap-tiap daerah. Kalau bercadang, bilakah akan dilaksanakan dan kalau tidak, mengapa; dan
- (b) sehingga sekarang, berapa ramaikah pencaerum-pencaerum

KWSP yang layak menuntut caruman mereka tetapi mereka tidak menuntut, berapakah jumlahnya, dan apakah usaha-usaha Kementerian bagi memudahkan orang-orang yang terlibat bagi menuntut caruman tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Buat masa ini, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mewujudkan Pejabat KWSP di tiap-tiap daerah. Walau bagaimanapun, selaras dengan tujuan untuk menentukan bahawa KWSP memberi mutu perkhidmatan yang lebih berkesan dan cekap kepada majikan dan juga ahli-ahli di seluruh negara, Kemencirian telah mengkaji dan meluluskan rancangan desentralisasi. Rancangan desentralisasi ini bertujuan untuk mengagihkan fungsi-fungsi utama KWSP, misalnya pungutan caruman, pemerosesan permohonan pengeluaran dan pembayaran kepada ahli-ahli KWSP akan diuruskan di pejabat-pejabat negeri. Di bawah program desentralisasi, Pejabat-pejabat Negeri KWSP akan dibuka di semua bandar-bandar utama di seluruh negara.

Rancangan desentralisasi ini akan dilaksanakan dalam dua peringkat bermula pada tahun ini. Peringkat pertama akan mula beroperasi di negeri Kelantan Darul Naim dan negeri Johor Darul Takzim, manakala peringkat kedua negeri-negeri lain.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ahli-ahli KWSP yang dianggap belum menuntut caruman mereka ialah mereka

yang berumur 60 tahun dan ke atas dan tidak lagi mencarum selama dua tahun serla belum mengeluarkan ke semua simpanan KWSP mereka. Mereka yang terlibat setakat 31 Disember 1990 ialah seramai 114,095 orang dengan jumlah caruman sebanyak \$68 juta.

KWSP berusaha secara berterusan untuk mengesan ahli-ahli berkenaan. Sebagai usaha untuk memudahkan ahli-ahli atau waris-waris ahli yang terlibat menuntut caruman tersebut, KWSP telah menerbitkan Buku Panduan yang mengandungi senarai nama-nama ahli yang terlibat serta nombor kad pengenalan mereka. Buku panduan ini telah ditempatkan di semua Pejabat KWSP, Pejabat Jabatan Penerangan, Pejabat PERKESO, Pejabat Tenaga Rakyat dan Balai Penghulu di seluruh negara dan juga di pejabat-pejabat CUEPACS dan MTUC. Buku Panduan ini akan dikemaskinikan dan dicetak setahun sekali. Selain daripada itu, KWSP juga menggunakan media massa seperti akhbar-akhbar tempatan, radio dan televisyen bagi mengumumkan kepada pencarum-pencarum mengenai hak mereka yang layak untuk menuntut caruman mereka.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk menurunkan had umur mengeluarkan wang KWSP iaitu pada umur 40 tahun selaras dengan umur pensen yang baru-baru ini dipinda.

Yang kedua, apa akan terjadi kepada wang KWSP yang telah dicarum oleh pencarum yang telah migrate, dengan izin, ke negara lain atau negara asing sama ada dia bertiak untuk menuntut KWSP dalam negara ini lagi?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai yang pertama tidak ada rancangan untuk apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar.

Mengenai perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mereka adalah berhak untuk mendapatkan caruman mereka berdasarkan peruntukan undang-undang dan mereka adalah beihak untuk mendapatkan caruman mereka.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mendapal tahu bahawa terdapat syarikat-syarikat swasta yang melanggar peraturan KWSP iaitu tidak mendaftarkan pekerja-pekerja mereka dengan KWSP. Oleh yang demikian, saya ingin tahu berapakah kes-kes yang telah dapat dikesan oleh pihak Kementerian dan apakah tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal perkara ini supaya dapat dikurangkan kes-kes yang saya sebutkan tadi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat tetapi sehingga kini tidak kurang 800 kes telahpun dibawa ke mahkamah dan dalam pindaan kepada Akta KWSP yang akan dibentangkan untuk bacaan kali kedua akan membawa pindaan-pindaan yang memperkukuhkan lagi daya penguatkuasaan KWSP untuk mengatasi masalah ini.

Tuan George Sangkin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah tindakan Kementerian Yang Berhormat mengenai ataupun terhadap majikan yang tidak memajukan caniman pekerja-pekerja mereka kepada KWSP dan bagaimanakah Kementerian tersebut dapat mengawasi majikan-majikan yang berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua: Bukankah serupa dengan pertanyaan tadi?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya pun agak begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat tidak dengar soalan tadi. Yang Berhormat Tuan Shahidan bin Kassim.

**MAJLIS KESELAMATAN
BANGSA-BANGSA BERSATU—
KEANGGOTAAN MALAYSIA**

9. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pencapaian Malaysia selama dua tahun menjadi anggota Majlis Keselamatan PBB, serta kesannya ke atas dasar luar negara; dan
- (b) sama ada pengalaman menganggotai Majlis Keselamatan menguatkan ataupun melemahkan "commitment" Malaysia kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai sebuah arena untuk penyelesaian masalah antarabangsa.

Timbalan Menteri Luar (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Malaysia telah berjaya menjadi ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1989 untuk tempoh selama dua tahun. Dalam tempoh tersebut, Malaysia telah melibatkan diri dalam perbincangan mengenai isu-isu penting seperti Namibia, Kampuchea, Konflik Iran-Iraq, Palestin dan Krisis Teluk. Di samping itu, Malaysia bukan sahaja telah menyertai Pasukan Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu di sempadan Iran-Iraq melalui UNIMOG dan Namibia melalui UNTAG, dengan izin, tetapi juga telah dijemput untuk menyertai pasukan Peninjau PBB ke Kampuchea sebagai usaha bersama untuk menyelesaikan krisis yang dihadapi oleh negara tersebut. Inilah bukti yang

menunjukkan kepercayaan dan penghormatan yang diberikan kepada Malaysia oleh masyarakat antarabangsa berdasarkan kcmatangan dan kewibawaan kita.

Peranan Malaysia di PBB, termasuk di Majlis Keselamatan tidaklah terhad kepada memperjuangkan dasar luar atau kepentingan Malaysia sahaja; bahkan Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menyuarakan kepentingan Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Kepercayaan ini terbukti apabila Malaysia dilantik ataupun dipilih menjadi Pengerusi Kumpulan 77 pada tahun 1989; dan pada tahun ini Malaysia diberi pula penghormatan untuk memegang jawatan Timbalan Presiden, Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Walaupun Malaysia tidak lagi menganggotai Majlis Keselamatan, kini didapati banyak negara lain yang sering meminta pandangan dan nasihat dari Malaysia mengenai berbagai isu-isu antarabangsa. Malaysia kini lebih terkenal di mata dunia hasil dari kegiatan dan peranannya di PBB.

- (b) Dengan berakhirnya perang dingin di antara negara-negara kuasa besar, PBB telah menjadi lebih penting sebagai organisasi yang bertanggungjawab untuk menjamin keamanan dan keselamatan antarabangsa. Dengan perkembangan ini, PBB telah berjaya menyelesaikan beberapa konflik antarabangsa seperti masalah Namibia, peperangan Iran/Iraq dan krisis politik di Nicaragua. Adalah menjadi harapan Malaysia agar masalah Kampuchea juga dapat diselesaikan menerusi usaha-

usaha PBB yang akan memainkan peranan utama di dalam memulihkan kembali negara tersebut.

Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil, bersama negara-negara lain, kini telah menyedah bahawa adalah lebih berkesan berusaha menerusi PBB untuk menyelesaikan masalah antarabangsa dan mempertahankan kepentingan semua negara. Malaysia meletakkan keyakinan penuh kepada PBB dan sentiasa berusaha menguatkan lagi PBB supaya ianya tidak dipengaruhi oleh sekumpulan negara-negara tertentu sahaja.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, di masa Malaysia menjadi Ahli Majlis Keselamatan PBB saya rasa resolusi yang terpenting sekali yang Malaysia dapat mengambil bahagian ialah Resolusi 678 berkenaan dengan tindakan PBB terhadap Iraq untuk berundur daripada Kuwait. Tetapi sebaliknya sejak resolusi itu dikuatkuasakan nampaknya Malaysia tidak begitu berpuashati dan telah menyuarakan hasrat Malaysia supaya resolusi itu disemak semula.

Jadi, saya ingin tahu, apakah sebab-sebabnya dan apakah faedah yang meyakinkan Malaysia untuk memberi sokongan kepada Resolusi 678 dan tidakkah pada masa resolusi ini digubalkan, tidakkah terlintas oleh Malaysia supaya diadakan juga resolusi untuk menyemak semula dari masa ke semasa lindakan-tindakan yang diambil akibat resolusi tersebut.

Soalan yang kedua, saya percaya Malaysia juga memainkan peranan yang penting dalam Resolusi 681. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berkenaan dengan Resolusi 681 ini dan adakah tindakan yang secepat mungkin dapat diambil

untuk menguatkuasakan resolusi ini seperti yang diambil untuk menguatkuasakan Resolusi 678?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Resolusi 678, pihak Kerajaan telah banyak kali menerangkan dengan jelas dan teliti tentang sebab-sebabnya kita mengambil pendirian untuk menyokong resolusi tersebut. Walaupun kita menyokong pada resolusi tersebut, tetapi semasa wakil kita di New York menyokong usul itu beliau telah menyatakan perasaan reservationnya bahawa kita menyokong setakat hendak mengeluarkan tentera Iraq daripada Kuwait, tidak lebih daripada itu, pertamanya. Keduanya, apa sahaja tindakan yang bakal dibuat oleh pihak Arnerika Syarikat dan askar-askar Bersekutu untuk mengeluarkan Iraq daripada Kuwait mestilah dimaklumkan dahulu kepada pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi malangnya kedua-dua Keteiapan itu tidak dibuat. Hulah sebab mengapa Malaysia telah menyuarakan agar dipanggil semula mesyuarat Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu khusus untuk dibincangkan tentang pelaksanaan dasar tersebut, bukan hendak semak semula ataupun hendak tarik balik, tetapi untuk membincang tentang pelaksanaan resolusi tersebut.

Yang keduanya, tentang Resolusi 681 pula ialah satu resolusi yang dibawa khusus oleh Malaysia dan dibantu sama oleh negara-negara Yemen, Cuba sebagai pembawa usul bersama dengan Malaysia khusus untuk membawa tentang masalah Palestin di Timur Tengah itu harus juga diberi perhatian untuk mendapat penyelesaian. Pada mulanya pihak Malaysia dan rakan-rakan kita di Majlis Keselamatan menghadapi halangan yang begitu hebat sekali, khususnya daripada Amerika Syarikat yang tidak mahu langsung menerima apa-apa resolusi yang membabitkan perlu diadakan persidangan antarabangsa berkenaan dengan

Timur Tengah yang bersabit dengan penyelesaian masalah Palestin. Tetapi dengan budibicara dan kewibawaan wakil kita dan dengan track record, dengan izin, dan penghormatan yang diberi kepada Malaysia, maka Amerika Syarikat (USA) setelah dipujuk berkali-kali yang mengambil masa sehingga 6 minggu barulah bersetuju pada akhirnya untuk menerima Resolusi 681 itu yang mana ianya bersabit dengan suatu persidangan antarabangsa berkenaan dengan Timur Tengah akan diadakan selepas Perang Teluk itu selesai. Ini merupakan satu kejayaan kepada Malaysia khususnya dan lain-lain negara yang menganggotai gerakan negara-negara berkecuali yang telah membolehkan kita memujuk hinggakan Amerika Syarikat pada kali ini sanggup bersetuju untuk mengadakan satu persidangan antarabangsa walhal sebelum ini Amerika Syarikat menentang keras segala usaha untuk membawa masalah Timur Tengah ini ke peringkat persidangan antarabangsa.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keterangan lanjut mengenai dengan Resolusi 681 yang dikatakan tadi kita dapat memujuk Amerika Syarikat menyokongnya, iaitu mengenai dengan Persidangan Perdamaian Timur Tengah secara menyeluruh. Jikalau Amerika Syarikat menyokong kita di dalam Resolusi 681 Majlis Keselamatan ini, mengapa Presiden Bush menolak formula yang dibawa oleh Presiden Mitterand di dalam usaha Presiden Perancis itu untuk membawa kedamaian sebelum Perang Teluk meletus. Jadi, ini menjadi kekeliruan. Di Majlis Keselamatan dia sokong, tetapi apabila hendak dibawa oleh Presiden Mitterand, ditentang oleh Presiden Bush.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, formula-formula yang lain daripada apa yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu tak serupa, maka itu

sebab mungkin pihak Amerika Syarikat menolak cadangan yang dibuat oleh Presiden Mitterand daripada Perancis. Tetapi akhir-akhir ini kita dengar melalui akhbar dan televisyen semalam pun menunjukkan bahawasanya Amerika Syarikat telahpun memberi ketetapan bahawasanya negara itu sanggup dan bersetuju untuk menyelesaikan masalah Timur Tengah itu pada keseluruhannya selepas sahaja masalah peperangan di Teluk ini dapat diselesaikan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan Malaysia hanya bersetuju dalam Resolusi 678 ini untuk mengusir tentera Iraq daripada Kuwait. Sebelum menandatangani resolusi ini tentulah Malaysia membuat beberapa reservation. Saya ingin tahu apakah reservation tersebut?

Soalan kedua, adakah pada pandangan Kementerian secara blunt, Amerika Syarikat telah melanggar (breach) Resolusi 678 ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun jelaskan tadi sementara saya menjawab pertanyaan daripada Wakil Rakyat dari Kuala Kedah, iaitu memang kita telah melahirkan reservation kita semasa kita menyokong usul tersebut. Yang pertamanya, kita hanya menyatakan bahawa kita sokong setakat hendak keluar tentera Iraq daripada Kuwait.

Yang keduanya, kita juga tidak mahu Iraq dimusnahkan ataupun rakyat dan hartabenda negara Iraq itu juga sama-sama hancur. Itu sebabnya perlu kita keluaran Iraq daripada Kuwait. Tetapi malangnya, daripada berita-berita yang kita dapai apa yang dibuat kini telah melebihi ketetapan ataupun kepastian yang kita dapat semasa kita menyokong usul tersebut yang mana kini kita nampak bahawasanya usaha-usaha yang dibuat

di Teluk sana seolah-olah hendak menghancurkan Iraq, hartabenda, rakyat jelata dan sebagainya. Juga kita dapati bahawasanya pihak yang berkenaan tidak membcri penjelasan kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu tentang cara-cara mereka hendak buat untuk mengeluarkan Iraq daripada Kuwait. Sebab dua perkara inilah mengapa Malaysia menganggapi bahawasanya pihak Amerika Syarikat telah tidak mengikuti Ketetapan Resolusi 678, itulah sebab mengapa kita mendesak dan merayu agar dipanggil semula mesyuarat Majlis Keselamatan khusus untuk membincang pelaksanaan resolusi tersebut.

KOPERASI DI MALAYSIA— STRATEGI KERAJAAN

10. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah langkah atau strategi Kerajaan terhadap koperasi di Malaysia sehingga tertubuhnya satu Kementerian Koperasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan penubuhan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, strategi Kerajaan terhadap koperasi adalah untuk menjadikan ianya sebagai satu perantaraan untuk membangunkan ekonomi negara. Sehubungan dengan ini, koperasi akan digalakkan untuk turut serta mengambil peluang-peluang yang diwujudkan. Tumpuan penubuhan koperasi adalah supaya ianya dapat membantu mengukuhkan ekonomi luar bandar dan juga kepada penduduk-penduduk tertentu di bandar, terutama sekali di kalangan pekerja-pekerja kilang dan penduduk di pusat pertumbuhan baru di sekeliling bandar.

Antara langkah-langkah yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (1) mewujudkan satu gerakan koperasi yang menyeluruh di seluruh negara;

- (2) mempertingkatkan supaya koperasi-koperasi di luar bandar mengkhususkan tumpuannya kepada ekonomi persekitaran supaya ianya dapat bergiat dengan sumber yang ada untuk dinikmati oleh ahli-ahli koperasi di daerah-daerah berkenaan;

- (3) bagi kawasan bandar, strategi yang dilakukan ialah dengan menumpukan pengetahuan kepada kelompok penduduk-penduduk bandar untuk menyertai koperasi, termasuklah di kalangan pekerja-pekerja industri;

- (4) menggalakkan penubuhan koperasi di kalangan rakyat dan mengawal supaya koperasi berfungsi selaras dengan peruntukan Akta, kaedah-kaedah serta undang-undang kecil koperasi; dan

- (5) untuk mcmperingkatkan lagi keupayaan Jabatan Pembangunan Koperasi.

Dengan adanya koperasi-koperasi di seluruh negara, Kementerian akan sentiasa merancang untuk memajukan koperasi-koperasi tersebut di samping mewujudkan latihan jangka pendek dan jangka panjang kepada pemimpin-pemimpin koperasi yang dijalankan oleh Maktab Kerjasama Malaysia.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperketatkan lagi undang-undang Koperasi ini supaya orang-orang berkenaan yang berkedudukan tinggi dalam sesuatu koperasi itu melakukan penyelewengan ataupun rasuah ataupun pecah amanah yang terdapat berbagai-bagainya kita ketahui bahawa khasnya daripada Barisan Nasional, khasnya daripada MCA, dan kebanyakannya kena masuk

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan Lau Dak Kee:..... jail, yang kena tertuduh atau didakwa di Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia soalan itu?

Tuan Lau Dak Kee: Soalan saya, adakah Kerajaan mencadangkan untuk memperketatkan lagi undang-undang bagi Pertubuhan Koperasi?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli dari Pasir Pinji, ... *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Dahulu Pasir Pinji. Selalu bertukar, buat orang keliru. *(Ketawa)* Macam tuli pula dalam Dewan ini, kerana sudah beberapa kali kita katakan bahawa Akta Koperasi akan dikaji, dikaji, dikaji, tetapi tidak faham juga. *(Ketawa)*

Tuan George Sangkin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam usahanya untuk memajukan ekonomi luai bandar, adakah Jabatan Koperasi menyediakan bantuan-bantuan berupa kredit kepada koperasi-koperasi yang baru dan jika ada, bagaimanakah caranya untuk mendapat bantuan kredit tersebut?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, bantuan yang dihulurkan oleh Jabatan Koperasi memang ada dan ia adalah berbeza, mengikut keperluan koperasi-koperasi itu. Walau bagaimanapun, kalau ada koperasi-koperasi daripada kawasan Ahli Yang Berhormat, silalah berutuskan terus kepada Jabatan Koperasi untuk dipertimbangkan.

PELABURAN KWSP

11. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) nama syarikat di mana KWSP telah melabur;

(b) jumlah saham yang dipegang di setiap syarikat tersebut oleh KWSP; dan

(c) jumlah nilai semasa saham-saham yang dipegang dalam setiap syarikat itu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a) dan (b):

Jumlah pelaburan terkumpul KWSP pada 31hb Disember, 1990 ialah \$45.66 ribu juta. Daripada jumlah ini, pelaburan dalam ekuiti berjumlah \$1.03 ribu juta atau 2.26% daripada jumlah pelaburan terkumpul. Nama syarikat-syarikat di mana KWSP melabur serta jumlah saham yang dipegang oleh KWSP di setiap syarikat tersebut tidak dapat diumumkan kerana maklumat-maklumat itu dikelaskan sebagai sulit. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan KWSP dalam ekuiti adalah meliputi saham-saham 54 syarikat dalam pelbagai sektor, iaitu sektor perindustrian, kewangan, perhotelan, hartanah, perladangan dan perlombongan.

(c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31hb Disember, 1990 nilai semasa saham-saham yang dipegang oleh KWSP dalam sektor-sektor tersebut ialah \$1.064 ribu juta. Pembahagian nilai tersebut mengikut sektor-sektor tertentu adalah seperti berikut:

Sektor Perindustrian	—	50.3%
Sektor Kewangan	—	31.8%
Sektor Perhotelan	—	0.37%
Sektor Hartanah	—	2.29%
Sektor Perlombongan	—	0.38%
Sektor Perladangan	—	14.34%
Lain-lain Sektor	—	0.43%

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah

kriteria yang digunakan oleh KWSP untuk melabur dalam syarikat-syarikat itu? Berapakah jumlah keuntungan yang telah diperolehi dari syarikat-syarikat itu dan bolehkah Yang Berhormat bersetuju dan membcnarkan keluaran wang simpanan kepada pencarum supaya mereka boleh melabur dalam syarikat-syarikat itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang kemudian itu tidak bersangkutan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kriteria yang digunakan ialah pulangan yang sewajarnya untuk memungkinkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja membayar dividen yang tinggi dan hingga kini tidak kurang 8%. Selain daripada itu pula mempunyai komposisi yang sewajarnya supaya kepentingan KWSP terpdlihara dari segi turunnainya nilai saham-saham tertentu.

Tuan Foo Piew Kok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, berapakah peratus pegangan saham KWSP itu di dalam Sekuhti Kerajaan Malaysia? Saya ingin tahu sama ada apa-apa pelaburan di luar negeri?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, hingga 31hb Disember, 1990 cagaran Sekuriti Kerajaan ialah pada tahap 79.13%. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pelaburan di luar negeri hingga kini.

KERETA PROTON SAGA— PENGELUARAN

12. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menambah pengeluaran kereta Proton Saga bagi dieksport ke Negara-negara Bukan Komenwel. Jika ada, bilakah projek ini akan dilaksanakan dan negara-negara manakah yang telah dikenalpasti.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab pada 4hb Februari tahun ini bila menjawab soalan Yang Berhormat dari Seputeh selepas menerima kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawabnya secara serentak. Oleh kerana itu, saya tidak ingin menambah kepada jawapan pada masa ini.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa kita menghadapi masalah untuk mengeksport Proton Saga kita ke negara-negara ASEAN kecuali Singapura? Apakah halangan-halangan yang dihadapi dan sejauhmanakah kerjasama dari Kerajaan-kerajaan yang terlibat untuk membolchkan kita mengeksport Proton Saga kita ke negara-negara tersebut?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kita sudah menumpukan perhatian terhadap pasaran tertentu sahaja oleh kerana kapasiti kita untuk mengeluarkan kereta-kereta Proton Saga terhadap pada masa ini. Tambahan lagi, kita menghadapi masalah berkcnaan dengan left hand drive yang digunakan di bcbcrapa negara di ASEAN. Pada masa ini kita keluarkan kereta-kereta Proton Saga yang right hand drive sahaja. Oleh kerana itu, tidak sesuailah untuk menembusi pada masa kini negara-negara tersebut. Tetapi kita ada cadangan untuk membuat kereta left-hand drive itu dan pada masa itu apabila kapasiti pun naik dipertingkatkan tahun demi tahun, kita mungkin menembusi semua negara-negara di ASEAN.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat beberapa masalah yang penting yang tidak pernah dijawab termasuklah pengeksportan ke Amerika Syarikat. Seiakat ini bilangan Proton Saga yang dieksportkan ke Amerika Syarikat yang merupakan pasaran kereta yang terbesar di dunia. Kalau tidak ada,

bilakah akan diekspori ke Amerika Syarikat iiu?

Tuan Chua Jui Meng: Mungkin Yang Berhormat dari Kepong tidak begitu sedar mengenai perkembangan dalam eksport Proton Saga kepada negara-negara luar. Pada masa kini kita tidak eksport ke Amerika Syarikat, belum lagi, oleh kerana sepertimana yang saya katakan tadi iaitu kita mengeluarkan kereta right hand drive. Pada masa ini Amerika Syarikat menggunakan left hand drive dan model ini tidak sesuai untuk pasaran Amerika Syarikat. Tetapi kita bercadang untuk mengeluarkan satu model yang baru pada tahun 1994 supaya menembusi, kalau boleh pada masa itu pasaran Amerika Syarikat.

AKADEMI ISLAM DI BACHOK

13. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pembinaan Akademi Islam di Bachok, Kelantan akan diteruskan dan jika Kerajaan berhasrat untuk meneruskan bilakah akan bermula.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama telah pun dijawab pada 16.1.91 di Dewan ini ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan saya tidak ada niat untuk menambah apa-apa.

HARGA BARANG KEPERLUAN HARIAN—KENAIKAN

14. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan akan menaikkan harga barang-barang keperluan harian. Nyatakan juga sama ada Kerajaan sedar di kampung-kampung luar bandar harga barang-

barang ini mulai naik semenjak selepas pilihanraya 21 Oktober lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah juga diberi semasa Yang Berhormat Menteri Kementerian ini menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tapah pada 28-1-91. Saya tidak ada tambahan kepada jawapan itu.

PEKEBUN KECIL LADA DI SARAWAK—BANTUAN

15. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan yang ada untuk memberi bantuan kepada pekebun kecil lada di Negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Sarawak adalah negeri pengeluar dan pengekspor utama lada hitam di Malaysia yang menyumbang lebih dari 95% daripada jumlah pengeluaran lada hitam di negara ini. Scramai lebih kurang 45,000 keluarga pekebun-pekebun kecil di Sarawak terlibat dalam penanaman lada. Rancangan yang ada untuk memberi bantuan kepada pekebun kecil lada di negeri Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) Skim subsidi dalam bantuan input pertanian seperti baja, racun kimia, bahan tanaman dan tiang yang bernilai \$1,850 untuk tempoh selama 3 tahun.
- (ii) Mengadakan pusat-pusat pemasaran dan kemudahan-kemudahan pemerosesan lada.
- (iii) Membeli hasil-hasil lada pekebun-pekebun dengan tawaran harga yang berpatutan.
- (iv) Menganjurkan kursus-kursus pendekatan pasaran lada kepada pekebun-pekebun lada.

**PUSAT KESIHATAN TELUPID—
KEMUDAHAN**

16. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada sedar atau tidak bahawa kenderaan/pengangkutan (laut dan darat) terutamanya di Hospital Telupid dan di klinik-klinik desa di Pendalaman Sugut seperti Tangkarason menjadi masalah; dan
- (b) jika ya, apakah Kementerian bercadang untuk menambah jumlah kenderaan di hospital yang berkenaan dan membuat pembekalan bot-bot yang lebih baik ke klinik-klinik desa di Pendalaman Sugut yang selalu mengalami kerosakan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji dan berusaha untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang terbaik mungkin kepada semua penduduk di Malaysia terutama sekali penduduk-penduduk di kawasan pendalaman.

Pusat Kesihatan Telupid telah pun dibekalkan dengan tambahan sebuah kereta jenis "Land Rover" pada bulan Januari 1990 dan kenderaan ini sedang digunakan dengan memuaskan. Selain daripada itu, Pusat Kesihatan Tangkarason dan Pusat Kesihatan Sungai-Sungai dalam daerah Sugut, masing-masing juga telah diberikan dengan sebuah bot jenis fibreglass dan sebuah enjin sangkut 40 H.P. (Horse Power) pada bulan Jun 1990. Dengan tambahan kemudahan-kemudahan ini, klinik-klinik desa di pendalaman Sugut bolehlah menikmati kemudahan kesihatan yang lebih baik.

**PENDATANG LUAR NEGL;U DI
SABAH—BANCIAN**

17. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri

menyatakan daripada gerakan banci dan pendaftaran Pasukan Petugas Khas yang ditempatkan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan:

- (a) berapakah bilangan pendatang luar negeri dari Filipina dan Indonesia yang telah dibanci dan didaftarkan mengikut daerah di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (b) bilangan yang telah ditangkap serta dihantar pulang dan bilangan yang masuk semula ke negeri Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pendatang luar negeri mengikut daerah belum dapat dipastikan sehinggalah selesai tugas membanci pendatang luar negeri di seluruh Sabah. Ini ialah kerana:
 - (i) Ramai pendatang luar negeri kerap berpindah-pindah dari daerah ke daerah;
 - (ii) ramai yang berkeluarga mempunyai ahli-ahli keluargadi daerah-daerah lain untuk bekerja sementara.

Apabila semua pendatang luar negeri selesai dibancikan barulah jumlah ini boleh dikemaskinikan untuk mendapat perangkaan mengikut daerah yang sebenar.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pendatang tanpa izin yang telah ditangkap dan diusir pulang semenjak tertubuhnya Pasukan Petugas Khas di Sabah dan Wilayah

Persekutuan Labuan pada Jun 1989 hingga akhir lahun 1990 ialah:

	Filipina	Indonesia
Ditangkap	7,887	9,223
Dihantar pulang	3,079	5,622

Mungkin ada antara mereka yang telah diusir itu dapat masuk semula ke Negeri Sabah. Kerajaan tidak tahu berapa bilangannya yang sebenar kerana mereka tidak lapor kepada kita apabila mereka masuk semula. Mereka masuk secara haram. Walau bagaimanapun jika ada jumlahnya adalah kecil kerana semenjak Pasukan Petugas Khas Persekutuan di Sabah meningkatkan gerakan pencegahan di sana, belum lagi ditangkap semula mereka yang telah diusir itu.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu berapakah kosnya untuk mengusir seorang pendatang haram dari Malaysia ke negara-negara yang mereka datang seperti Indonesia, Filipina dan Burma ataupun lain-lain—mungkin kosnya ada berlainan.

Yang kedua, untuk memudahkan masalah-masalah pendatang haram adakah Kerajaan bercadang untuk memperjarakan semua pendatang-pendatang haram apabila dapat ditangkap?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaatar Albar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kos itu saya perlu notis, saya tidak ada kos di sini.

Berkenaan dengan penjara itu memanglah kalau pendatang haram sebelum mereka diusir, mereka akan dipenjarakan dulu.

KAD PENGENALAN/SIJIL KELAHIRAN BAGI WARGANEGARA MALAYSIA

18. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan rancangan Kerajaan untuk menentukan semua warganegara Malaysia akan mempunyai dokumen-dokumen penting seperti Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran dan sama ada banciaan ada dibuat untuk menentukan bilangan warganegara kita yang masih belum lagi mempunyai dokumen-dokumen tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyediakan Pejabat-pejabat Pendaftaran Negara di semua daerah di seluruh negara di mana pegawai serta kakitangan Jabatan menjalankan tugas untuk membantu penduduk negara ini memiliki dokumen pengenalan diri.

Adalah menjadi tanggungjawab penduduk berkenaan untuk menghubungi Jabatan Pendaftaran Negara bagi urusan mendapatkan dokumen-dokumen tersebut sebagaimana diperuntukkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa sekarang.

Kerajaan tidak ada membuat banciaan untuk menentukan bilangan warganegara yang masih belum lagi mempunyai kad pengenalan dan sijil kelahiran.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan dokumen-dokumen penting seperti kad pengenalan di mana pihak Kerajaan kini sedang memperkenalkan satu dokumen yang baru supaya ia tidak boleh dipalsukan dengan senang. Adakah pihak Kerajaan

telah menerima cadangan Yang Berhormat Menteri Pemsahaan Utama yang mengatakan bahawa borang untuk mendapatkan kad pengenalan baru adalah terlalu sukar dan rumit dan harus dipermudahkan atau simplified. Kalau ya, mengapakah ia masih belum dilaksanakan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ataupun Kerajaan sedang menimbangankan perkara ini.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau boleh sila Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dalam Semenanjung Malaysia pada masa ini terdapat beberapa orang yang masih memegang kad pengenalan merah iaitu bukan warganegara kita. Yang kedua, adakah Kerajaan kita berhajat untuk mengambil tindakan supaya mengeluarkan kad pengenalan biru sebagai satu pengisytiharan warganegara Malaysia kepada pemegang kad pengenalan merah kepada semua yang layak. Jika tidak mengapa dan jika ya, bila?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan yang lain yang manadalam soalan asal ini menyatakan kepada warganegara Malaysia. Kad pengenalan merah ini adalah permastautin tetap yang mana bukan warganegara Malaysia. Soal menukarkan antara kad pengenalan merah ke biru itu adalah urusan permohonan warganegara yang mana berbeza sama sekali dengan bentuk soalan yang asal.

DATARAN MERDEKA— KELAKUAN PENONTON

19. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kementerian mendapat maklumat atau laporan melalui

perisikan betapa setiap kali ada keramaian hingga larut malam di Dataran Merdeka, maka didapati ramai anak-anak muda kadangkang secara berpasangan bergelimpangan tidur di situ dan kawasan sekitarnya hingga ke pagi;

- (b) apakah pada pandangan Menteri perbuatan yang boleh ditakrifkan meruntuhkan akhlak ini tidak termasuk ciri-ciri mengancam keselamatan negara; dan
- (c) apakah nasihat yang dapat diberikan oleh pihak keselamatan supaya gejala negatif itu tidak berulang.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri. Jawapannya,

- (a) Kerajaan sedar tentang ramainya penonton yang hadir di Dataran Merdeka setiap kali ada pertunjukan di situ tetapi tidak ada anak-anak muda secara berpasangan bergelimpangan tidur di situ dan kawasan sekitarnya hingga ke pagi seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.
- (b) Setakat ini tidak ada apa-apa yang berlaku di Dataran Merdeka yang boleh ditakrifkan sebagai mengancam keselamatan negara.
- (c) Gejala negatif seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak akan berlaku jika anak-anak muda mendapat bimbingan yang baik daripada ibubapa masing-masing.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selalunya yang mengejutkan di Dataran Merdeka ialah apabila ada acara-acara di mana ianya diselingkan dengan lagu-lagu rock. Itu yang mungkin

mengejutkan Ahli Parlimen dari Pengkalan Chepa. Jadi saya hendak cadangkan, ataupun adakah Yang Berhormat setuju, saya hendak beritanya Tuan Yang di-Pertua, supaya kalau ada majlis seumpama itu pada masa akan datang, kita tukar kepada lagu selimut putih, lagu-lagu nasyid. Saya rasa ini mungkin boleh meredakan sedikit ketegangan, sebab memang betul berlaku kekecohan di kalangan anak-anak muda.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kalau di Dataran Merdeka Jtu kita menyampaikan lagu-lagu nasyid, anak-anak muda ini scmuanya tidak akan datang. Bukan sahaja anak-anak muda, orang tua pun tak datang. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Kita berbalik kepada soalan No. 2 Yang Berhormat Tuan Taimin bin Lumaing.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Taimin bin Lumaing tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 3 Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 4 Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood.

TAMBAK JOHOR KEDUA — TAWARANSYARIKAT

4. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

(a) sila nyatakan bilangan syarikat yang memohon kepada Kerajaan

untuk membina Tambak Johor Kedua (Second Link); dan

(b) sila nyatakan butir-butir lawaran yang mereka kemukakan dan nyatakan perbezaan tawaran itu di antara yang paling tinggi dan yang paling rendah.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang serupa itu. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Sila teruskan, ya.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang serupa maksudnya telah dibangkitkan dan telah dijawab di Dewan yang mulia ini pada 22hb Januari, 1991.

Setakat ini saya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak ditambah-tokok bagi jawapan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan panik. tidak ada apa-apa untuk panik. Saya hendak bertanya apakah perbezaan di antara Tambak dan Laluan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya semasa menjawab satu soalan dari seorang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini kerana beliau tidak sempat memberikan apa perbezaan di antara Tambak dan Laluan.

Mengikut Yang Berhormat Menteri, janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa pilihanraya kecil Johor Bahru ialah mengenai Laluan Kedua, bukan Tambak. Apakah perbezaannya?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun istilah itu berlainan, tetapi maksudnya ialah kita akan mengadakan satu "second link" dari Johor Bahru ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah habis.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 5 dan 20 adalah diberi di bawah ini.)

HARGA BESI DI SABAH

2. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia menyatakan mengapa harga besi yang dibawa dari Semenanjung Malaysia lebih tinggi dari apa yang terdapat di Semenanjung Malaysia, ini adalah disebabkan kos pengangkutan. Memandangkan barangan tersebut bolch diimport dari negara lain dengan harga lbih rendah lagi, adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha di Sabah kesan daripada kawalan terhadap barangan industri tersebut. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Kos pengangkutan adalah merupakan faktor utama yang menyebabkan harga barangan termasuk besi lebih mahal di Sabah berbanding dengan harganya di Semenanjung. Perbezaan harga ini bukan sahaja dirasakan di Sabah atau Sarawak tetapi juga di antara bandar-bandar di Semenanjung Malaysia.

Bagi Sabah dan Sarawak khususnya, kos pengangkutan yang terlibat bukan sahaja kos pengangkutan kapal, tetapi juga kos pengangkutan kapal-kapal kecil di persisiran pantai dan kos pengangkutan jalanraya dari satu bandar ke bandar yang lain. Faktor-faktor ini menyebabkan pengendalian yang berganda dan seterusnya menyebabkan kos barangan tersebut meningkat lebih dua kali ganda.

Bagi mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh pengusaha-pengusaha di Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan antara lain, telah bersetuju supaya satu skim pengecualian duti import khas diberikan kepada pengilang-pengilang di negeri-negri berkenaan seperti berikut:

- (i) Pengilang-pengilang di Sabah dan Sarawak diberi pengecualian duti import ke atas bahan-bahan mentah/bahagian-bahagian komponen untuk perkilangan bagi pasaran tempatan dan eksport sungguhpun bahan-bahan/bahagian-bahagian komponen berkenaan ada dikeluarkan di Semenanjung Malaysia; dan
- (ii) pengilang-pengilang dikenakan bayaran duti setakat 3% jika untuk pasaran tempatan dan pengecualian sepenuh duti import bagi pasaran eksport. Walau bagaimanapun, sekiranya bahan-bahan mentah/bahagian-bahagian komponen berkenaan ada dikeluarkan di Sabah dan Sarawak untuk pasaran tempatan maka pengecualian tidak dipertimbangkan.

MENANGKAP IKAN LAUT DALAM

3. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa jumlah lesen penangkapan ikan laut dalam kepada orang perseorangan, persatuan dan syarikat. Dari jumlah tersebut berapakah yang tidak aktif;
- (b) apakah Kementerian masih mengeluarkan lesen menangkap ikan laut dalam dan adakah lesen tersebut mempunyai kelas yang berebaza-beza:

- (c) berapakah kerugian yang dialami oleh negara berikutan pencerobohan nelayan asing dan nyatakan jumlah tangkapan kerana pencerobohan dan nilai rampasan yang telah dibuat setakat ini; dan
- (d) apakah pandangan Kementerian berhubung dengan rancangan usahasama syarikat tempatan dan luar negeri untuk meningkatkan keupayaan menggunakan teknologi yang lebih canggih.

Dato' S. Subramaniam: Bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sejumlah 815 unit lesen telah diluluskan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 428 unit lesen diluluskan atas nama perseorangan, 31 unit atas nama Persatuan Nelayan dan 356 unit atas nama Syarikat.

Dari jumlah kelulusan lesen tersebut, sebanyak 312 unit (38%) didapati tidak aktif dan kelulusan telah ditarik balik. Dalam hal ini pemohon tidak dapat membina atau menyediakan bot untuk dilesenkan walaupun lanjutan tempoh yang sesuai telah diberi.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian Pertanian masih membekukan semua pengeluaran lesen baru bot laut dalam di Semenanjung Malaysia oleh kerana bilangan lesen yang diluluskan setakat ini telahpun mencukupi. Langkah pembekuan lesen baru ini adalah penting untuk melindungi dan memelihara sumber perikanan di samping menjaga kepentingan nelayan dan bot yang sedia ada di perairan itu.

Dalam pada itu Kementerian Pertanian sedang menggalakkan penerokaan sumber perikanan di laut dalam di perairan Malaysia Timur (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Ini ialah kerana sumber perikanan di perairan itu mempunyai potensi untuk diterokai.

Lesen menangkap ikan di laut dalam tidak mempunyai kelas yang berbeza-beza iaitu hanya satu bentuk lesen laut dalam sahaja yang wujud.

Bagi menjawab soalan (c), akibat daripada pencerobohan nelayan-nelayan asing dalam tahun 1989, nelayan tempatan telah mengalami kehilangan/ kerosakan bubu dan unjam bernilai \$236,900. Manakala dalam tahun 1990 (sehingga November) kehilangan, kerosakan yang dialami adalah bernilai \$54,000. Dari segi langkapan, sebanyak 132 bot asing telah ditangkap dalam tahun 1989 dan sejumlah \$121,399 telah diperolehi daripada hasil lelongan ikan. Bagitahun 1990, sebanyak 150 buah bot telah ditangkap dan sejumlah \$111,747 telah diperolehi hasil daripada lelongan ikan.

Bagi menjawab soalan (d), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pehkanan, 1985 seperti yang sedia ada, tidak membenarkan diadakan usahasama untuk menangkap ikan di laut dalam Malaysia, antara Syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat asing melainkan jika Malaysia terlebih dahulu telah mewujudkan perjanjian perikanan dua hala, dengan negara-negara asing berkenaan. Bagaimanapun, ia tidak menghalang syarikat-syarikat tempatan dan asing untuk bekerjasama dalam bidang-bidang penukaran kepakaran/ pemindahan teknologi-teknologi perikanan dan pemasaran ikan dengan syarat bot yang digunakan untuk penangkapan ikan diperairan Malaysia tersebut dimiliki sepenuhnya oleh warganegara tempatan.

Berhubung dengan kerjasama dalam bidang penukaran kepakaran, Kementerian membenarkan bagi tempoh tertentu penggunaan tenaga kerja asing dalam aktiviti penangkapan ikan untuk jawatan-jawatan seperti taikong, jurupukat dan juruengjin. Pengambilan tenaga kerja asing ini hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Perikanan terlebih dahulu.

HOSPITAL DAERAH KOTA BELUD—SISTEM TELEKON

5. **Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Kesihatan menyatakan samaada Kerajaan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh Hospital Daerah Kota Belud berkenaan dengan sistem perhubungan telefon di antara ward ke ward dalam Hospital yang seringkali tidak berfungsi dan tentu sekali menyulitkan terutama sekali ketika ada kecemasan. Kalau tidak, adakah Kerajaan mengkaji perkara ini. Kalau ia, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan demi untuk mengalasi masalah tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Mengenai dengan sistem PABX di Hospiul Daerah Kota Belud yang sedang mengalami kerosakan pihak pembekal telah diberitahu untuk memperbaiki sistetn telefon ini. Sekiranya sistem telefon ini tidak boleh diperbaiki lagi, makapihak Kemcnterian Kesihatan akan cuba menggantikan dengan sistem yang baru pada tahun 1991.

PAJAK GADAI—BARANG GADAIAN

20. **Tuan Mohamad bin Sabu** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar betapa adanya pengguna-pengguna Pajak Gadai terpedaya kerana barang-barang gadaian mereka didapati diubah nilai atau susut mutunya setelah ditebus dari kedai Pajak Gadai;
- (b) jika ya, dapatkah diterangkan bagaimana dan mengapa pengusaha-pengusaha Pajak Gadai melakukan kecurangan itu;
- (c) adakah aduan-aduan mengenai-nya diterima;
- (d) apa pembelaan yang diberikan kepada pihak yang teraniaya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Kementerian saya memang menyedah hal tersebut dan terdapat aduan yang mendakwa bahawa barang-barang gadaian mereka diubah nilai atau susut mutunya setelah ditebus dari kedai Pajak Gadai.

Walaupun Akta Pajak Gadai 1972 dan Peraturan Pajak Gadai 1972 mensyaratkan supaya setiap pengusaha Pajak Gadai menyimpan satu daftar barang-barang yang diterima untuk pajakan, ada terdapat pengusaha-pengusaha Pajak Gadai yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menipu pelanggan-pelanggan mereka kerana penipuan yang seumpama itu sukar dibuktikan.

Satu langkah melindungi pengguna pajak gadai ialah dengan mengemaskinikan undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan pajak gadai. Untuk maksud ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan satu seminar untuk mengkaji perkara ini. Kementerian saya sedang meneliti syor-syor yang telah dibuatkan untuk tindakan lanjut diambil demi menjaga kepentingan pengguna-pengguna.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN) MAJLIS DAYA PENGELUARAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (7hb Februari, 1991).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, sila sambung.

4.06 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyentuh kecenderungan NPC untuk mengalih kepada khidmat nasihat daripada khidmat latihan sahaja dan oleh itu kami ingin Yang Berhormat menjelaskan fakta-fakta mengapakah ianya perlu sangat untuk menukar Majlis menjadi Perbadanan terutama sekali menghuraikan fungsi-fungsi serta cara pengurusan Pusat yang tidak mungkin disempurnakan di bawah struktur sebuah Majlis tetapi mudah terlaksana apabila menjadi Perbadanan. Bukankah Pusat yang ditubuhkan pada tahun 1962 sudah pun berkuasa sendiri ataupun autonomous, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sejak 1 hb Mac, 1966 iaitu sejajar dengan perkembangan di bawah Rancangan Gerakan Projek.

Tuan Yang di-Pertua, memang pertukaran nama seperti dari Daya Pengeluaran kepada Produktiviti, ini satu langkah yang betul kerana sepertimana yang terdapat dengan Rumah Sakit Umum pun ditukar kepada Hospital Besar kerana istilah ini lebih popular, lebih dimengertikan oleh rakyat dunia. Begitu juga dengan "produktiviti" dan saya setuju kerana di dalam

perkembangan bahasa memang kita hendak menyesuaikan, kita hendak mengambil perkataan-perkataan yang popular yang dapat diterima oleh lebih banyak orang.

Tuan Yang di-Pertua: Dunia pun faham juga Hospital Besar itu.

Dr Tan Seng Giaw: Hospital dia faham, Rumah Sakit dia tak faham kerana dia tak tahu macam mana rumah boleh sakit. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu mengatakan "dunia boleh faham", besar itu.

Dr Tan Sang Giaw: Ya, memang besar, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi malangnya dengan pertukaran perkataan sahaja, itu tak cukup kalau sikap seperti mana yang ditunjukkan oleh Timbalan Menteri tadi. Maklumlah di seluruh dunia yang paling popular, yang paling ramai pemilik kereta yang menggunakan left-hand drive. Itu yang paling banyak, tetapi di negara ini hanya dengan produktiviti yang begitu rendah, dia hanya hendak buat kereta right-hand drive sahaja. Itulah yang dikatakan produktiviti dan kualiti yang kurang dan satu kegagalan juga bagi NPC. Mungkin Yang Berhormat dari Padang Terap tak setuju, tetapi inilah satu hakikat dan kenyataan. Apakah gunanya kita adakan NPC sejak 1962 lagi dan kita tahu ramai orang menggunakan left-hand drive di dunia tetapi apa fasal kita buat kereta untuk right-hand drive sahaja. Kalau alasan ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi benar, tetapi saya anggap alasan ini adalah alasan yang pincang. Kerana saya tak nampaklah...

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Minta penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat dari Kepong bahawa kita hanya baru mula mengeksportkan kereta Proton Saga dan kita sejak beberapa tahun kebelakangan ini baru mula membuat kereta Proton

Saga yang pada masa itu telah dikritik oleh DAP. Sekarang dia cakap kenapa kita tak buat kereta left-hand drive? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita hendak melancarkan projek seperti Proton Saga ini berperingkat-peringkat, betul tak? Pada masa ini kita buat right-hand drive sebab negara kita menggunakan right-hand drive. Pada masa hadapan kelak, apabila kapasiti negara sudah naik, pada masa 1994, bila kita keluarkan new model, termasuk kita harap dengan left-hand drive, pada masa itu kita akan menembusi pasaran di merata-rata tempat di dalam dunia ini. Sedarkah, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar, kalau hendak bincangkan mengenai Proton Saga, berapa jam pun tidak boleh habis, tetapi saya setakat menghadkan kepada produktiviti dan kualiti untuk Proton Saga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di dunia ini untuk mengekspor kereta untuk mengadakan kilang kereta, saya masih mengkritik dengan adanya Proton Saga - masih mengkritik. Tetapi, dengan wang rakyat berbilion-bilion ringgit dicurahkan untuk projek ini memang kita tidak boleh hendak berhenti dengan begitu sahaja, akan menjejaskan beribu-ribu orang dan walaupun ini pada mulanya.....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita mengkritik sesuatu perkara itu apabila ianya tidak menunjukkan hasil ataupun ianya tidak menunjukkan satu perkembangan yang positif. Adakah Yang Berhormat dari Kepong akan terus mengkritik dengan satu prestasi yang ditunjukkan oleh Proton Saga, iaitu PROTON Sendirian Berhad yang tahun sudah sahaja

membuat keuntungan sebelum dicukai sebanyak \$150 juta dan cumulative profitnya telah pun menjadi positif. Adakah hendak kritik lagi benda yang baik ini?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap ini memang dia asyik untuk melihat apa yang terjadi dengan EON, jadi untuk syarikat seperti ini yang menjual kereta sahaja. Kalau tidak dapat keuntungan besar, itu adalah kesalahan yang besar.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut tadi bukan profit atau keuntungan

Tuan Yang di-Pertua: EON, EON.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: ... EON. Ini ialah keuntungan PROTON, bukan EON.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua pun tidak ada masa (*Ketawa*) (*Disampuk*). Tak, tak, tunggu sekejap, jangan. Yang pertamanya, apakah perlindungan tarif ke atasnya?

Yang keduanya, jenis model yang dikeluarkan oleh PROTON itu, jenis lain yang tidak dibenarkan masuk.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Larutbangun pula.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Point of order 36(1), ucapan Ahli dari Kepong tidak terhad kepada maksud perbincangan kita pada hari ini, melencong!

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, teruskanlah, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang ada, bila saya hendak jelaskan dengan panjang lebar, ada orang yang mengganggu pula, itulah. Jadi, baik Yang Berhormat dari Padang Terap ini menasihatkan Yang Berhormat dari Larut jangan berlarut. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kerana ada faktor-faktor yang tertentu termasuk perlindungan tarif dan sebagainya, memang kita nampak daripada zahirnya kita ada untung sedikit terutama dengan EON, tetapi pada keseluruhannya untuk mentafsirkannya secara komprehensif kita dapati tidak memadai dengan modal yang dilaburkan. Walau bagaimanapun, saya hendak galakkan cara-cara yang betul untuk dapat pulangan yang lebih baik untuk memperkembangkan industri-industri subsidiari yang penting bagi keuntungan dan manfaat negara. Itulah maksud saya, Yang Berhormat dari Padang Terap tidak begitu faham tadi.

Walaupun bagaimanapun, kita dapati bahawa seperti Taiwan dan Korea Selatan eksportkan kereta-kereta seperti Hyundai kepada Amerika Syarikat kerana pasaran yang terbesar di dunia. Apakah salahnya bagi Malaysia kalau kita hendak bangunkan industri ini walaupun pada permulaannya ada satu pelaburan yang tidak betul kerana berbilion-bilion ringgit dilaburkan, kita mesti mendapat pulangan yang sejajar dengan pelaburan itu.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kami balik kepada NPC. Kami ingin mengetahui perubahan-perubahan dalam:

- (i) pembiayaan kewangan pusat;
- (ii) penglibatan dalam kegiatan menjanahasil, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, income generating activities;

(iii) penyediaan khidmat latihan tentamannya di segi kos bagi industri-industri kecil di sektor pembuatan; dan

(iv) pemansuhan fungsi mengada dan mengekalkan perhubungan dengan pertubuhan-pertubuhan kebangsaan dan antarabangsa yang serupa ekoran Majlis bertukar menjadi Perbadanan.

Ini sangat penting kerana kalau kita lihat Hotel NPC ini menunjukkan satu kegagalan walaupun dianggap oleh Yang Berhormat dari Padang Terap sebagai kejayaan. Mungkin dia memerlukan satu latihan lagi oleh NPC untuk menyedarkan diri.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu tidak ada kena mengena langsung dengan tajuk yang kita bahaskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak ada di sini apabila Yang Berhormat dari Padang Terap menyampaikan satu konsep yang aneh binti hairan. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskanlah Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain yang kami ingin bangkitkan ialah pengaruh falsafah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) ke atas pendirian pusat NPC kepada kebajikan pekerja sebagai salah satu faktor penggerak produktiviti dan kualiti dalam kerja.

Sepertimana tercatat dalam laporan-laporan tahunan pusat, ILO pernah menjadi pentadbirnya semasa projek mula-mula dilancar oleh Kumpulan Wang Khas Bangsa-bangsa Bersatu dengan Kerajaan Persekutuan. Maka,

perhubungan sejarah ataupun historic, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mungkin mempunyai serba sedikit pengaruh ke atas falsafah kebajikan pekerja yang dipegang oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sampai sekarang apakah pengaruh ILO ke atas NPC ini? Berapakah amaun wang yang digunakan oleh NPC ini datang dari ILO? Satu perkara yang penting yang tidak pernah disebutkan oleh pihak Kerajaan ataupun NPC. Kalau kita ambil wang ILO, maka sedikit sebanyak kita mesti ikut arahannya ataupun falsafahnya. Setakat inilah, apakah amaun wang yang diterima daripada ILO untuk NPC?

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang biasa diamalkan oleh pihak Kerajaan, wang-wang sumbangan daripada ILO dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa kepada organisasi seperti NPC di negara ini tidak disebutkan kerana mungkin pihak Kerajaan hendak ambil kesempatan ini untuk menonjolkan kebolehan dan kemampuan sahaja walaupun sumbangan daripada orang luar. Baik kita terus lerang menunjukkan keikhlasan dan kejujuran di dalam sumbangan daripada negara luar ataupun pertubuhan seperti ILO.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Pcrsidangan Produktiviti Dunia yang ketujuh pada bulan November lalu, Bahagian Penyelidikan Pusat pernah mengatakan dalam kertas kerja mereka bahawa keupayaan tenaga kerja Malaysia menerima pergolakan teknologi adalah positif dan di antara faktor-faktor dorongan ialah perkembangan sistem insentif yang sesuai, atau dengan izin, appropriate incentive system, penyeliaan yang baik atau good supervisory practices, dengan izin, serta budaya korporat yang supportive.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan dari segi appropriate

incentive system, supervisory practices dan juga budaya korporat sama ada ini telah wujud di Malaysia dengan adanya NPC ini.

Pekerja tempatan dilaporkan kurang terpegun dengan status dalam kerja mahupun menitikberatkan sangat ganjaran wang sebagai faktor utama dalam peningkatan kualiti kehidupan kerja (enhancing quality of working life). Tetapi nampaknya Kerajaan dan mungkin juga pihak majikan kurang yakin dan tidak bertanggung sepositif seperti pusat mengenai etika kerja pekerja tempatan. Pada bulan September lalu Kerajaan membantah kuat kemasukan fasal-fasal yang menghendaki anggota-anggota ILO mengamal tegas koiwensyen hak-hak asasi manusia ke dalam perjanjian perdagangan kerana syor-syor tersebut dianggap tidak sesuai dengan Dasar Buruh Negara dan seterusnya resah akan menggugat perkembangan ekonomi serta menjejaskan kewujudan peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun laporan Jabatan Buruh, Amerika Syarikat yang disediakan di bawah Omnibus Trade and Competitiveness Act 1988 mengumumkan baru-baru ini bahawa tingkat upah serta keadaan kerja di Zon-zon Perdagangan Bebas adalah lebih baik daripada di luar zon-zon ini, beberapa masalah tetap dikesan termasuk amalan menggunakan pekerja kontrak dengan pekerja tetap sebagai langkah mengurangkan kos dan tanggungjawab majikan kepada pekerja. Betapa melaratnya keadaan ini, kami masih belum dapat memastikan akan tetapi bukannya sebagai badan yang berkuasa sendiri, Pusat Produktiviti Negara harus mempunyai ketelapan mengenai amalan-amalan majikan yang kurang mendorong peningkatan produktiviti mahupun kualiti pekerja tempatan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kajian empat hari, Jabatan Buruh Amerika Syarikat sempat mengesan beberapa masalah itu, apatah lagi memberi

implikasi keadaan kerja serta tingkat upah secara bandingan adalah lebih teruk di luar Zon Perdagangan Bebas, maka NPC tidak menyempurna tugas meningkatkan produktiviti kerana terlalu tertumpu kepada teknik latihan dan perhatian yang tidak mencukupi kepada faktor kemanusiaan yang berupa unsur asas program.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan di sini bahawa walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin tidak setuju dengan saya ataupun sengaja tidak setuju, fungsi dan peranan NPC dengan adanya pindaan seperti ini akan mirip kepada perundingan, pengurusan dan penyelidikan produktiviti (consultancy, management and productivity research). Itulah yang lebih digemari oleh pihak NPC sekarang ini. Dan dari segi ini kita nampak ada pindaan untuk accreditation, untuk melantik syarikat-syarikat yang dianggap boleh memberi latihan yang cocok dengan kehendak syarikat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan di sini bahawa untuk memastikan accreditation exercise ini dijalankan dengan baik, kita mesti mengikiskan semua unsur-unsur yang tidak sihat seperti pilih-kasih, diskriminasi ataupun tidak ada kriteria-kriteria yang ketat untuk memberi accreditation ini kerana kalau kita lantik, mungkin pihak NPC hendak lantik 60 ataupun 80 buah syarikat untuk maksud latihan, untuk menggantikan peranan NPC sebagai pusat untuk latihan ini, mungkin ada setengah-setengah syarikat ini tidak mencapai tahap yang diperlukan bagi maksud latihan untuk produktiviti dan kualiti ini. Sebab itulah, adalah perlu bagi pihak Kementerian untuk mengambil perhatian dan juga untuk memastikan bahawa unsur-unsur yang tidak sehat ini tidak berlaku dalam accreditation exercise ini.

Tuan Yang di-Pertua, latihan teknik akan sia-sia sahaja jika pekerja tidak mengenalpasti diri sebagai sebahagian daripada keluarga syarikat di mana

mereka bekerja, maka tidak didorong untuk meningkatkan produktiviti alau mutu kerja. Idea-idea untuk mewujudkan suatu tenaga kerja yang commiued dan bangga dengan kerja serta syarikat yang mereka bekerja untuk tetap tinggal mimpi-mimpian sahaja. Oleh itu tidak menghairankan NPC merungut bahawa sektor swasta kurang berminat menubuhkan kumpulan-kumpulan, dengan izin, Quality Control Circle (QCC), di mana di kalangan 70 organisasi swasta yang menyertai konvensyen QCC hanya 25% sahaja yang aktif. Ini mungkin kerana pihak majikan biasanya tidak berminat mengiktiraf sumbangan serta peranan pekerja khususnya mereka di peringkat-peringkat bawahan kepada proses peningkatan mutu serta kuantiti pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita dapat tahu banyak dakyah dan propaganda dan publisiti yang dikeluarkan bagi Quality Control Circle (QCC) sehingga di liang-tiang elektrik sekarang pun kita masih boleh nampak ada 'Q' itu, mungkin dikeluarkan oleh NPC.

Walau bagaimanapun, sekali imbas daripada 70 organisasi yang menyertai konvensyen QCC, hanya 25 yang berminat. Ini boleh dianggapkan satu kegagalan NPC, walaupun kegagalan ini dianggap kejayaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Tetapi itu terus merupakan satu kegagalan dan sejak 1962 lagi NPC berikhtiar untuk mengadakan QCC dengan luas tetapi nampaknya tidak begitu berjaya, apakah sebabnya? Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pihak majikan tidak berminat di dalam QCC ini? Ini satu perkara yang penuhi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi iaitu dengan kekurangan tenaga manusia yang wujud sekarang, banyak tenaga mahir dan juga bukan mahir sangat kurang di beberapa bidang di negara ini. Maka peranan dan fungsi

NPC adalah lebih penting lagi untuk mewujudkan, untuk mengadakan tenaga manusia yang cukup, yang dapat memenuhi keperluan negara dan kita dapati bahawa kalau syarikat-syarikat Malaysia sekarang ini menghadapi kekurangan tenaga manusia, memang mereka ada beberapa option. Option yang pertamanya, mereka boleh menukar corak menjadi industri capital-intensive untuk menggunakan teknologi canggih dan adakah mereka mampu untuk berbuat demikian. Tetapi kalau kilang itu kilang labour-intensive, susahlah untuk mengubah corak produksi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu option lagi mereka boleh buat iaitu untuk memindahkan kilang-kilang milik orang-orang Malaysia ini ke negara-negara yang lain sepertimana yang dibuat oleh pihak Jepun, mereka pindah ke Malaysia kerana tenaga manusia di sini upahannya lebih rendah. Korea Selatan dan Taiwan juga pindahkan kilang-kilang ke negara-negara ASEAN termasuklah Malaysia kerana tenaga manusia lebih murah untuk diupah dan sebagainya. Adakah pihak kilang-kilang Malaysia ini mampu untuk berbuat demikian? Saya khuatir tidak banyak yang mampu untuk memindahkan kilang-kilang dari Malaysia ke negara-negara yang lain. Kalau begitu, ini bermakna peranan NPC adalah lebih penting untuk mewujudkan tenaga manusia yang lebih produktif dengan kualiti yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Pusat Produktiviti Negara adalah pakar dalam penilaian produktiviti serta mutu kerja, mengapakah Kementerian-kementerian tertentu dipilih untuk menentukan penerimaan Anugerah Kualiti Perdana Menteri atau PM Quality Award, dengan izin? Adakah ini bermakna Kementerian-kementerian adalah lebih tahu dalam hal-hal penilaian produktiviti serta mutu kerja daripada pusat. Ini satu keanehan bahawa NPClah yang lebih mengelajahi mengenai hal

produktiviti dan kualiti, tetapi yang membuat penilaian itu bukan NPC. Ini sangat aneh, saya pun tidak tahu, mungkin cadangan Yang Berhormat dari Padang Terap hendak meminta dipindahkan NPC ke bawah Jabatan Perdana Menteri. Kalau telah berlakunya mengenai Anugerah Kualiti PM ini dibuat oleh pihak Kementerian seperti Jabatan Perdana Menteri, tidak payahlah kita pindahkan bidang kuasa ke Jabatan Perdana Menteri kerana setakat ini pun ada pihak JPM yang mengambil alih tugas-tugas yang tertentu termasuk pemberian Anugerah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sukaulah saya mengakhiri ucapan saya dengan mengatakan bahawa dalam kabut debu dan darah perang Teluk ini, memang negara-negara di dunia termasuk Malaysia akan menghadapi kesesahan. Walaupun Kerajaan mengatakan bahawa setakat ini tidak ada implikasi ke atas Malaysia dalam jangka pendek, tetapi kita sudah nampak sekarang, terutamanya dengan eksport kayu-kayuan sekarang kekurangan lebih 50% dan banyak sektor lagi yang akan menghadapi kesesahan dan dengan ini bermakna kita perlu meningkatkan produktiviti dan kualiti lagi. Dengan kerana itu saya berharap pihak NPC dapat memainkan peranan yang lebih positif dan lebih berkesan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti yang merupakan dua kualiti yang terpenting untuk ekonomi negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Maran.

4.35ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap mengenai satu Akta untuk meminda Akta Memperbadankan Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966.

Kalau kita merujuk kepada kerja-kerja yang hendak dibuat oleh Perbadanan ini di antaranya ialah untuk

mengadakan latihan-latihan tertentu bagi menenlukan pekerja-pekerja boleh bekerja dengan baik dan dengan bermutu, saya hanya ingin mendapat penjelasan daripada pihak yang berkenaan sebab kita juga ada badan-badan tertentu ataupun institusi-institusi tertentu bagi melatih pekerja-pekerja kita—contohnya INTAN. Kalau dua keadaan ini tidak diselarikan, kita akan kedatangan duakeadaan tenaga kerja kita yang berlainan. Walaupun INTAN ini merupakan Institut Tadbir Awam yang khusus mcmberi latihan kepada pekerja-pekerja, tetapi matlamatnya adalah sama iaitu untuk kita bekerja dalam meningkatkan mutu kerja kita di dalam negara yang sama. Adakah Perbadanan ini akan bekerjasama dalam program latihan mereka untuk mendapatkan kerjasama daripada INTAN dan begitu juga INTAN akan mendapatkan kerjasama daripada Perbadanan ini.

Tuan Pengerusi, walau apapun kita bincangkan mengenai Akta ini, kita akan menekankan dari segi sistem bekerja bagi tiap-tiap warganegara kita sama ada kita bekerja dengan Perkhidmatan Awam ataupun dengan swasta dan sebagainya. Dalam sistem bekerja ini, saya inginlah menanyakan pada pihak berkenaan adakah kita akan menumpukan usaha kita ini ke arah sistem bekerja yang berdasarkan kepada ciri kerja yang flexibility kerana ini perlu. Walaupun dalam zaman moden ini, kita mengatakan pengkhususan kemahiran ataupun skill specialisation adalah perlu, tetapi sebenarnya ciri flexibility di dalam kita bekerja adalah perlu. Dari situ kita akan melahirkan satu perkara yang kita katakan pembentukan kemahiran kerja ataupun skill formation, dengan izin, yang mana kita perlukan seorang pekerja itu bukan sahaja cukup mahir di dalam satu bidang pilihannya sahaja tetapi dia juga perlu tahu di dalam bidang-bidang kerja mahir orang-orang lain. Ini perlu, sebab kalau sekiranya seorang pekerja mahir tertentu sakit atau bercuti dan sebagainya, maka

sudah barang tentu orang ini boleh mengambil alih bagi menentukan pentadbiran kita berjalan dengan licin dan produktmii kita hcrjalan dengan baik.

Apa yang kita kedatangan sekarang, apabila kita terlalu menekankan kepada skill specialisation iaitu pengkhususan kerja, kita akan kedatangan apabila seseorang itu tidak hadir bekerja misalnya, bila kita bertanya, dia mengaiakan, "rmnta maaf, pegawai yang berkenaan tidak ada, jadi tidak boleh kami membuat keputusan." Kalau sekiranya si pekerja itu sakit sampai sebulan, maka sudah barang tentu fail yang berkenaan itu tidak bergerak sampai sebutan.

Jadi, ini akan menurunkan mutu kerja kita, produktiviti kita, sedangkan kita hendak meningkatkan. Ini banyak contoh-contoh yang kedapaian, sama ada dalam bidang syarikat ataupun terutama sekali dalam bidang perkhidmatan awam. Jadi, apabila kita bertanya, minta maaf, pegawai yang berkenaan tidak ada, kami tidak boleh membuat keputusan. Ini menunjukkan mereka itu tidak tahu, sepatutnya ada orang lain yang boleh mcngambilalih bagi menentukan perlicinan perjalanan pentadbiran itu sendiri.

Jadi, saya menekankan bahawa ciri ini penting dan Perbadanan ini, juga mana-mana badan Kerajaan yang hendak membuat latihan kepada mereka perlulah ada ciri flexibility ini bagi menentukan mereka itu, bukan sahaja boleh bekerja dalam bidang mereka yang dikhususkan, tetapi boleh membantu bidang-bidang yang tain. Sebab itu dalam ciri ini kita perlu menekankan seseorang itu mesti mempunyai kemahiran yang mendalam atau depth of skill dan juga seseorang itu mestilah mempunyai kemahiran yang meluas atau spreadth of skill. Jadi, dua keadaan ini perlu diadakan kepada pekerja-pekerja kita ataupun pegawai-pegawai kita ataupun generasi kita pada masa akan

datang bagi menentukan negara kita ini bertambah baik dari semasa ke semasa.

Seperkara pokok yang penting, saya hendak merujuk kepada perkara ahli panel kita, iaitu Perbadanan boleh menggunakan khidmat dan membayar penasihat-penasihat teknik dan sebagainya membuat kajian-kajian tertentu. Sesebuah negara yang maju di dalam hal mutu kerja ini ialah negara yang menjalankan dasar pendidikan yang tidak ada sekolah sebelah petang. Pelajar itu mesti sekolah pagi semuanya sampai petang. Jadi, apabila negara kita ada membuat sekolah yang sedemikian rupa, sudah barang tentu kadangkala ibu bapa yang terlibat dengan anak mercka kadangkala satu tugas yang pasti bagi mereka untuk mengambil dan menghantar anak mereka. Menghantar di sebelah pagi, mengambil di tengahari dan menghantar balik, kadangkala masa kerja kita itu, kita tinggalkan kerana urusan ini. Sebab itu pentingnya kita mesti membanyakkan sekolah, melengkapkan sekolah kita supaya tidak ada lagi sekolah di sebelah petang. Saya percaya kalau ini kita lakukan, maka usaha kita untuk meningkatkan lagi mutu kerja dan hasil kita, dengan kos yang rendah, produktivitinya baik dan mutunya tinggi, maka kita mestilah menuju ke arah ini.

Jadi, saya menyanjalah kepada badan ini kalau sekiranya kita menggunakan untuk membuat kajian, hendak membuat apa-apa latihan dan sebagainya, perlulah mengambilkira perkara yang saya sebutkan ini.

Saya rasa itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Mas.

4.43 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin mengambil peluang ini

untuk memberi sedikit pandangan saya untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966,

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri oleh kerana langkah yang diambil pada masa sckarang ataupun saat ini untuk meminda beberapa aspek ataupun peruntukan di dalam Akta Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966 dan selepas ini badan tersebut akan dinamakan Perbadanan Produktiviti Negara. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah oleh kerana langkah ini adalah langkah yang baik dan yang penting sekali untuk negara Malaysia pada masa sckarang. Saya percaya Kerajaan Barisan Nasional membawa perubahan yang penting dan yang sesuai mengikut keadaan dan masa untuk kepentingan semua rakyat di seluruh ncgara ini. (Orang DAP tidak ada dalam Dewan). Bukan seperti Ahli-ahli dari Pembangkang, segala apa pcrubahan ataupun pengubahsuaian yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional, mereka hanya menentang sahaja dan tidak membcri pandangan yang positif. Walaupun mereka mengambil masa berjam-jam jikalau kita bandingkan apakah hujah-hujah yang mereka sampaikan kepada Dewan yang mulia ini, saya percaya jikalau kita membuat satu garispanduan untuk kita bersama, saya fikir hanya sedikit sahaja yang penting dan sesuai untuk kita pada masa sekarang.

Saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan ini oleh kerana negara kita sekarang sedang membangun dengan pesat. Di dalam bidang perindustrian, terutama sekali saya percaya yang penting iaitu daya pengeluaran ataupun

produktiviti seperti yang dikatakan ataupun yang dibentangkan oleh saudara rakan-rakan saya, backbencher dari Padang Terap, jangan kita menyalah-iktirafkan produktiviti ini, hanya mengiktirafkan output, dengan izin, daripada seseorang pekerja. Seharusnya produktiviti kita mengiktirafkan suatu proses mulai dari kita melaksanakan program itu sampai program ataupun apa-apa yang kita laksanakan itu mengakibatkan pengeluaran yang kita ingin. Oleh sebab itu, saya percaya ada beberapa peruntukan di dalam Akta ini yang dipindahkan memang adalah positif.

Saya hanya ada tiga cadangan untuk Dewan yang mulia ini. Pertama sekali cadangan saya itu bersependapat dengan cadangan rakan-rakan saya Yang Berhormat dari Tambun dan juga dari Padang Terap, bukan oleh kerana mereka dari backbencher dan saya setuju, tetapi oleh kerana saya percaya jikalau kita mementingkan usaha-usaha badan ini yang dinamakan Perbadanan Produktiviti Negara, saya merasa eloklah Jabatan ini diletakkan di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri oleh kerana badan ini telah ditubuhkan selama 25 Lahun sampai sekarang. Saya sebagai backbencher yang baru dan walaupun bertugas selama 11 tahun di dalam bidang swasta, terutama sekali di dalam bank, saya kesal sekali oleh kerana saya ada membaca sedikit sahaja pengeluaran dari National Productivity Centre. Oleh kerana pencapaian yang tidak berapa memuaskan jikalau badan ini diletakkan di dalam jagaan Jabatan Perdana Menteri, segala apa masalah ataupun segala apa cabaran yang mereka akan hadapi dan susah diatasi, saya percaya oleh kerana dia diletakkan di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri, masalah-masalah yang lenentu itu dapat diatasi dengan mudah sekali. Sebab itu saya menyokong pendapat rakan-rakan saya dari Tambun dan Padang Terap supaya Perbadanan Produktiviti Negara ini dapat diletakkan di dalam jagaan Jabatan Perdana Menteri.

Di sini ingin saya membcari pendapat mengenai cadangan daripada Ahli-ahli Pembangkang, seperti Yang Berhormat dari Bayan Baru, Pasir Mas dan juga Ahli kita Yang Berhormat dari Kepong.

Saya berharap kita yang berada di dalam Dewan yang mulia ini dari segi pendapat mereka tidak sehualan dan saya sendiri percaya inilah mencerminkan pendirian Pembangkang tidak tepat. Ahli dari Pasir Mas tidak setuju dengan perletakan Perbadanan ini di dalam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tetapi Ahli dari Bayan Baru tidak bersetuju mengikut *Hansard*, mukasurat 79—saya harus sebut *Hansard* supaya jangan Ahli Pembangkang terutama sekali dari Kepong berdiri dan meminta penjelasan nanti. Pendapat mereka berlainan di sini. Ahli dari Bayan Baru minta supaya badan ini di bawah alih kepada Kemenlerian Sumber Manusia. Saya fikir, sebab itulah badan atau Majlis Daya Pengeluaran Negara tidak berapa berfungsi pada masa lalu oleh kerana banyak ahli-ahli Pembangkang yang selalu membela nasib pekerja-pekerja terutama sekali di dalam MTUC. Jikalau kita mengambil sekali lagi dan meletakkan Jabatan ini di dalam jagaan Kementerian Sumber Manusia, Ahli-ahli Pembangkang sekali lagi akan menentang segala perubahan ataupun yang kita hendak mengubahsuai untuk kepentingan rakyat. Sebab itu saya dengan tegas sekali menyarankan supaya Jabatan ini diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Yang kedua, apabila ahli-ahli Lembaga itu dapat dilantikkan nanti, jikalau badan ini terus di dalam jagaan Jabatan Perdana Menteri, saya sendiri percaya semua keputusan itu menjadi keputusan yang baik dan yang wajar. Jikalau kita membawa badan ini di dalam jagaan Jabatan Perdana Menteri, Perbadanan Produktiviti Negara ini dapat menyebarkan segala, dengan izin, research, bukan sahaja untuk

Semenanjung Malaysia tetapi juga untuk Sabah dan Sarawak, oleh kerana pada masa sekarang Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah Menteri dari Sarawak. Sebab itu saya sendiri mencarakan eloklah jika badan ini dapat diletakkan di dalam jagaan Jabatan Perdana Menteri.

Selain daripada itu, ada beberapa badan berkanun sekarang seperti HICOM, PETRONAS, MISC dan banyak lagi badan yang besar di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri. Kita memperbadankannya ataupun membuat perubahan di dalam beberapa aspek ini supaya kita mempertingkatkan lagi usaha-usaha ataupun kajian-kajian yang dibuat oleh badan-badan yang tertentu seperti PETRONAS atau HICOM yang mengeluarkan Proton Saga. Jikalau kita mengkaji dari segi produktiviti memang baik sekali dan badan ini hendaklah diletakkan di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri.

Seperti yang saya mengatakan tadi 25 tahun sudah lamanya wujud Pusat Daya Pengeluaran Negara (National Productivity Centre) ini dan saya sendiri merasa taraf Kerajaan mungkin tidak beberapa memuaskan. Walau bagaimanapun, saya berharap Menteri yang berkenaan akan memberi sedikit penjelasan, tidak perlu banyak—DAP selalu minta banyak penjelasan yang tidak penting—sedikit sahaja penjelasan, apakah aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh badan ini terutama sekali di dalam usaha untuk menasihati dan menyelaraskan pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan produktiviti dan mutu di dalam bidang industri perhotelan, industri pelancongan dan industri perkhayuan khasnya bagi negeri Sarawak pada masa-masa yang lalu? Saya fikir negeri Sarawak sekarang mengikut langkah beberapa negeri lain di Semenanjung Malaysia yang sedang setakat ini membangun. Juga Kerajaan Negeri sekarang membuat beberapa

peruntukan dan memberi galakan untuk pelabur-pelabur asing pergi ke Sarawak. Oleh sebab itu, saya sebagai back-bancher dari Sarawak harap Menteri yang sekarang ditanggungjawabkan kepada badan ini dapat memberi sedikit penjelasan mengenai aktiviti-aktiviti pada masa yang lalu.

Cadangan saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya menyarankan supaya semua ahli-ahli Lembaga Pengarah di dalam Perbadanan Produktiviti Negara ini yang akan dilantikkan pada masa akan datang adalah pakar atau orang yang ada kelulusan kertas di dalam bidang yang tertentu atau, dengan izin, people who have the right paper qualifications and authority on the subject matter.

Jikalau kita mengalih kepada kerja-kerja Perbadanan seperti yang dicatatkan pada Pasal 8, mukasurat 9 tersebut dan saya akan baca yang penting-penting sahaja:

"Kerja-kerja Perbadanan adalah:

- (a) menerajui penggalakan dan penyebaran maklumat dan isu-isu yang berhubungan dengan produktiviti;
- (b) menubuhkan satu pusat maklumat dan rujukan bagi indeks produktiviti bagi negara dan bagi sistem-sistem pengurusan dan kajian-kajian kes;
- (c) mengeluarkan kepakaran tempatan dalam bidang produktiviti mutu pengurusan dan keusahawanan;
- (d) mempertingkatkan pembangunan sumber manusia pada peringkat penyeliaan dan peringkat pengurusan keduanya dalam negara;
- (e) menasihati dan menyelaraskan pelaksanaan program-

program dan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan produktiviti dan mutu;

- (f) menilai dan memperakui program-program penyeliaan
.....”

Mengenai beberapa tugas-tugas yang saya telah bacakan tadi, saya ingin menegaskan sekali lagi beberapa perkataan seperti "menerajui penggalakan, menubuhkan suatu pusat mengeluarkan kepakaran tempatan, mempertingkatkan pembangunan, menasihati dan menyelaraskan pelaksanaan, menilai dan memperakui". Jikalau ahli-ahli Lembaga yang dilantik di dalam Perbadanan ini adalah orang yang tidak ada kelulusan yang tertentu, bagaimanakah Perbadanan ini dapat mencapai kejayaan atau matlamat-matlamat yang telah tercatat di dalam Akta ini? Kemungkinan adanya kelemahan - saya minta maaf jikalau ada. Pada masa yang lalu yang mana Pengarah-pengarah ataupun mereka yang dilantik di dalam Lembaga ataupun yang menjalankan tugas di dalam badan yang tertentu ini adalah kemungkinan tidak ada kelulusan berkaitan dengan produktiviti.

Akhir sekali, saya berharap juga jikalau ada pakar-pakar yang sesuai daripada Sarawak ataupun Sabah, saya berharap Kementerian yang tertentu ataupun yang menjaga atau mengambilalih jagaan Perbadanan Produktiviti Negara ini dapat mengasingkan dengan izin, set aside a chair for an expert from Sarawak or Sabah. Sckian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertuan (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

5.01 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua,

saya ingin pada permulaannya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang ini.

Setakat ini seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat telah berucap, ini adalah di luar sangkaan Kementerian saya, tetapi ini adalah satu tanda yang amat baik. Satu tanda menunjukkan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang berjumlah 10 orang ini begitu minat terhadap isu-isu berkenaan dengan produktiviti—satu isu yang pada pandangan saya dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap, yang begitu penting untuk negara kita khususnya pada masa kini apabila kita masuk ke peringkat kedua dalam revolusi perindustrian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan isu pertindihan peranan di antara agensi berhubung dengan program pembangunan keusahawanan yang dijalankan oleh NPC. Saya ucapkan terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat dan ingin memaklumkan bahawa perkara pertindihan tidak timbul. Apa yang berlaku ialah program-program ini adalah saling membantu untuk memenuhi keperluan tertentu.

Yang Berhormat dari Pasir Mas juga membangkitkan peruntukan Pasal 10, seksyen 9 membolehkan penerimaan bayaran selain daripada bentuk wang. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sesetengah organisasi di mana belanjawan untuk latihan adalah terhad. Tetapi mereka mempunyai barangan atau perkhidmatan yang diperlukan oleh NPC seperti peralatan latihan atau perkhidmatan pengangkutan. Dalam keadaan ini, bayaran melalui sistem pertukaran adalah mengunlungkan kedua-dua pihak.

Yang Berhormat dari Pasir Mas, Yang Berhormat dari Larut dan Yang Berhormat Kuala Kedah telah membangkitkan perkara perlantikan

Ketua Pengarah Perbadanan yang mana Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa seperti yang terkandung di Fasal 6 dan menyarankan perlantikan hendaklah berasaskan profesionalisme serta kepakaran. Kementerian saya akan mengambil kira semua aspek kepertuan jawatan tersebut di dalam membuat perlantikan. Asas ini juga akan diguna di dalam perlantikan Lembaga Perbadanan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Yang Berhormat dari Padang Terap telah mengemukakan banyak cadangan yang bemas dan amat probing, dengan izin, dan pada ketika ini saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Padang Terap yang pada pandangan bukan saya sahaja tetapi semua ahli-ahli pakar dari NPC yang hadir pada hari ini telah menunjukkan satu keminatan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan produktiviti dan mengeluarkan fikiran yang begitu mendalam seperti yang sayakatakan tadi "probing". Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan Pasal 9 seksyen 7B (3) (c) dan (d) iaitu perlantikan wakil institusi pengajian tinggi dan wakil pekerja dan telah menyarankan supaya jumlah perwakilan ditambah. Kementerian saya akan mengkaji keperluan tersebut.

Cadangan untuk menempatkan Perbadanan di Kementerian yang lebih sesuai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru, Yang Berhormat dari Tambun, Yang Berhormat dari Padang Terap dan akhirnya Yang Berhormat Bukti Mas, perkara ini akan diberi perhatian sewajarnya. Walaupun kalau ditunaikan dalam sebutan Yang Berhormat dari Tambun mungkin akan memfaraidkan Kementerian saya.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat dari Pasir Mas sama ada Perbadanan lebih sesuai di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ianya adalah lebih sesuai di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) kerana hubungan rapat Perbadanan dengan industri.

Yang Berhormat dari Bayan Baru bertanya sama ada NPC menerima sumbangan dari pihak luar atau bantuan teknikal. Sebenarnya NPC tidak menerima apa-apa bantuan kewangan daripada pihak luar kecuali dari pihak Kerajaan. Itulah satu soalan lagi yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Kepong dan jawapannya adalah sama.

Dari segi bantuan teknikal, NPC kerap menerima bantuan teknikal daripada negara-negara luar seperti Jepun, Jerman, Austria, United Kingdom dan badan-badan antarabangsa seperti ILO, JAICA, Pertubuhan Produktiviti Asia (APO), UNDP, Bank Dunia dan International Trade Centre di Geneva. Ini telah meningkatkan kepakaran NPC serta meningkatkan imej NPC di kalangan pelanggan-pelanggannya.

Yang Berhormat Bayan Baru telah membangkitkan peruntukan dalam Pasal 8 seksyen 7 (j) yang membolehkan Perbadanan menjalankan usaha-usaha perniagaan. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun dan Yang Berhormat dari Padang Terap.

Fasal 8 Seksyen 7 (j) bukanlah sebenarnya untuk Perbadanan mengendalikan perniagaan dalam erti-kata untuk membuat keuntungan sepertimana yang lazim berlaku. Seksyen 7 (j) diwujudkan bagi maksud membolehkannya menjalankan Hotel NPC sebagai sebahagian daripada Institut Pengurusan Perhotelan.

Program perhotelan yang dijalankan adalah bermodalkan dengan izin Institut Pengurusan Perhotelan yang wujud di negara-negara Eropah seperti

Switzerland dan Austria. Di dalam program ini pelatih-pelatih diberi pendedahan praktikal di dalam suasana hotel sebenar iaitu hotel yang viable dan commercial yang dikendalikan sepenuhnya oleh institut.

Untuk maklumat Yang Berhormat dari Bayan Baru, sebelum NPC mengambil-alih pengurusan hotel ini, hotel yang dulunya dinamakan Hotel Dayang telah mengalami kerugian. Kerugian ini berlaku semasa hotel ini diuruskan oleh dua pengusaha swasta dan bukan di bawah pengurusan NPC. Tetapi semenjak ianya diambilalih oleh NPC mulai April tahun 1989, saya merasa gembira kerana ianya mula menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Di samping itu ianya telah mengeluarkan pelatih-pelatih yang diterima oleh pihak industri perhotelan sebagai berkualiti dan senantiasa menjadi pilihan utama hotel-hotel tempatan. Oleh itu Fasal 8 seksyen 7 (j) diperlukan untuk meneruskan kerjasama Institut Pengurusan Perhotelan NPC yang merangkumi Hotel NPC dan kemudahan-kemudahan latihan yang ada di NPC. Pasal 8 ini bukanlah bertujuan untuk NPC menceburkan diri di bidang perniagaan seperti yang dikhuatirkan.

Yang Berhormat dari Bayan Baru juga ingin tahu kedudukan kewangan Hotel NPC masa kini. Untuk maklumat Yang Berhormat, akaun NPC sedang diaudit dan buat masa ini saya tidak dapat mengemukakannya. Yang Berhormat Bayan Baru akan dapat maklumat itu apabila Laporan Tahunan NPC dikemukakan di Dewan ini kelak.

Di atas cadangan Yang Berhormat dari Parit Sulong supaya Perbadanan memanjangkan perkhidmatannya kepada penaja, industri kecil dan sederhana dan petani, Kementerian saya akan mengkaji dan akan mengimplimentasikannya di mana yang bolch dan bersesuaian dengan fungsi Perbadanan ini.

Mengcnai cadangan Yang Berhormat dari Larut berkenaan dengan penubuhan Pusat Maklumat di negeri-negeri, Kementerian saya akan menimbangkannya. Buat masa ini, ianya mampu dikendalikan oleh lima Cawangan NPC yang ada di seluruh negara yang ditempatkan di Kuantan, Johor Bahru, Penang, Kuching dan Kota Kinabalu.

Di atas cadangan Yang Berhormat supaya Perbadanan menjadi role model, dengan izin, ini adalah cadangan yang sudahpun dilaksanakan di sebahagian daripada aktiviti NPC. Contohnya, hotel NPC sebagai model kepada hotel-hotel kecil di dalam negara.

Yang Berhormat dari Tambun dan Padang Terap menyarankan supaya agensi-agensi pusat memberi kelengkapan ke atas syarat-syarat dan peraturan-peraturan bagi menentukan kelicinan perjalanan Perbadanan amnya dan khususnya pengurusan kepakaran. Perkara ini adalah baik dan akan dirunding dengan agensi pusat yang berkenaan. Perkara yang serupa juga adalah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan masalah perkhidmatan hotel-hotel tempatan yang tidak memuaskan. Sehubungan dengan ini, Yang Berhormat telah juga mempersoalkan keberkesanan kajian selidik prestasi hotel yang dikendalikan oleh NPC sejak tujuh tahun kebelakangan ini dan ketiadaan publicity, dengan izin, berkaitan dengan hasil kaji selidik tersebut. Untuk maklumat Yang Berhormat, hasil kaji selidik telahpun disampaikan kepada setiap hotel yang mengambil bahagian di Upacara Anugerah Prestasi Antara Hotel Tatiunan iaitu saya ingat kalau tak salah, sebanyak 70 buah hotel. Anugerah Emas, Perak dan Gangsa diberi untuk hotel-hotel baⁿⁱ kategori besar, sederhana dan kecil. Untuk maklumat Yang Berhormat seterusnya, Hotel Shangri-La adalah pemenang Anugerah Emas selama tiga tahun berturut-turut.

Di atas teguran Yang Berhormat berkaitan dengan perkhidmatan di hotel Dayang yang tidak memuaskan, Kementerian saya tidak boleh disalahkan dalam hal ini kerana pada masa itu Hotel Dayang adalah dikendalikan oleh pengusaha swasta. Tetapi sejak NPC mengambilalih pengurusan hotel ini dan dikenali sebagai NPC Hotel, saya boleh memberi jaminan bahawa perkhidmatan yang diberi sekarang setanding dengan hotel-hotel lain. Lebih membanggakan kerana kebanyakan daripada pelayan dan pekerja NPC hotel adalah terdiri daripada pelatih-pelatih program di Institut Pengurusan Perhotelan NPC.

Untuk maklumat Yang Berhormat dari Padang Terap, sebenarnya tumpuan NPC sebelum ini adalah terhadap aktiviti-aktiviti latihan dan peningkatan kesedaran terhadap produktiviti. Dalam masa tiga tahun kebelakangan ini, tumpuan yang pesat telah diberi terhadap pengukuran produktiviti yang disarankan semalam oleh Yang Berhormat dari Padang Terap.

Di dalam masa yang sama NPC telah mewujudkan sistem dan cara pengukuran yang boleh digunakan di dalam negara dan berasaskan sistem dan cara yang digunakan di negara-negara lain, kini NPC sudah mula mengeluarkan angka-angka tunjuk produktiviti di sektor pembuatan. Sebagai contoh, bagi tempoh masa 1981 sehingga 1987 purata kadar pertumbuhan produktiviti buruh bagi sektor pembuatan ialah 6.6% dan bagi sektor kecil, umpamanya tembakau ialah setinggi 28.6%, besi dan keluli 22.9% dan makanan 12.6%.

Saranan Yang Berhormat dari Tambun supaya laporan tahap produktiviti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sangat wajar dan ianya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Yang Berhormat dari Kepong mengatakan kebimbangannya terhadap pengurangan program-program latihan dan sebaliknya menumpu kepada

perkhidmatan perundingan. Sukacita dimaklumkan, walaupun NPC akan mengurangkan program latihan yang dikendalikan sendiri, perkhidmatan ini akan disediakan oleh organisasi-organisasi swasta yang diselaras dan dikawalselia oleh NPC bagi menentukan standard dan kualiti dikekalkan.

Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan sebab apakah perlunya NPC ditukar nama kepada Perbadanan kalau hanya untuk menumpukan perhatian kepada khidmat nasihat.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan ini telahpun saya kemukakan semasa membentangkan Akta ini.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan soal punca kewangan Perbadanan dan sama ada hakikat ini akan menjejaskan perkhidmatan Perbadanan kepada industri kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sudahpun saya sentuh apabila menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru. Begitu juga dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan pengaruh dan bantuan ILO,

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan masalah QCC di negara kita tidak begitu mendapat sambutan pihak pengurusan. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap teknik baru apabila ianya diperkenalkan biasanya tidak diterima dengan begitu pantas.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa konsep QCC ini diadakan di negara ini sejak berapa tahun, mungkin sejak lebih 10 tahun atau lebih.

Tuan Chua Jui Meng: Ya, tapi 10 tahun ini pun masih baru sahaja, betul tak?Apalah 10 tahun dalam sejarah Malaysia atau sejarah negara kita? Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan kita mengeluarkan angka-angka yang begitu kecil sahaja tak melebihi 100, tetapi

untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini NPC telah mendaftarkan sebanyak hampir 1,500 Quality Control Circles yang telah dianjurkan di seluruh negara. Itulah kenyataannya.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan. Menurut Yang Berhormat tadi hanya 70 organisasi menyertai konvensi produktiviti dunia, itu yang maksud saya. Mengenai angka yang lain itu mengenai accreditation scheme untuk 60 ataupun 68, saya pun tak tahulah angka yang sebenar yang akan ditetapkan, tetapi itulah angka saya maksudkan—bukan 70 QCC sahaja, saya tidak tahu bitangan sebenar.

Tuan Chua Jui Meng: Saya bukan untuk menjawab tetapi untuk memberi penjelasan kepada Yang Berhormat yang mungkin khuatir atau bimbang mengenai bilangan yang sebenarnya QCC di negara kita. Yang sebenarnya yang telah menghadiri konvensyen yang dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat, hanya sebahagian kecil sahaja dari jumlah yang ada di negara kita pada masa ini.

Namun demikian, dengan kesungguhan dan kegigihan semua pihak di dalam mempopularkan QCC di negara kita, saya percaya lambat-laun penerimaan QCC oleh pihak yang belum berminat akan berlaku dan bertambah.

Di atas teguran bahawa NPC tidak terlibat di dalam membuat penilaian atas Anugerah Kualiti Perdana Menteri, ini tidaklah benar, kerana NPC memang terlibat secara langsung terutamanya di dalam Jawatankuasa Teknikal yang membuat penilaian.

Yang Berhormat dari Maran ingin tahu sama ada NPC dan INTAN bekerjasama di dalam menjalankan latihan. Ingin saya memaklumkan bahawa INTAN menjalankan program latihan khususnya untuk sektor awam dan NPC untuk sektor swasta. Namun demikian, penyelarasan dan kerjasama di antara dua agensi Kerajaan ini adalah

senantiasa berlaku. Sebagai contoh, program-program QCC untuk sektor swasta dikendalikan oleh NPC dan Program Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja dikendalikan oleh INTAN untuk sektor awam.

Yang Berhormat dari Bukit Mas ingin tahu sama ada program-program NPC untuk industri perhotelan, pelancongan dan perikanan disediakan khususnya di Sarawak. Seperti Yang Berhormat mungkin tahu bahawa NPC mempunyai sebuah Cawangan di Kuching. Melalui Cawangan ini, banyak program-program produktiviti dan kualiti telah dan sedang dijalankan untuk semua industri termasuklah industri hotel dan pelancongan.

Di atas saranan supaya kepentingan negeri Sarawak diberi keutamaan di dalam aktiviti NPC, perkara ini akan diberi perimbangan sewajarnya.

Itulah sahaja jawapan daripada MITI atas semua saranan-saranan dan teguran yang dikeluarkan oleh kesemua sepuluh Ahli Yang Berhormat yang begitu berminat di dalam aktiviti-aktiviti NPC dan akhirnya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbincangan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 14—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

5.27 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Fasal 6, pindaan seksyen 5. Seksyen (1) (a) yang baru dimasukkan bagi membolehkan Perbadanan melantik pegawai dan kakitangan-kakitangan lain sebagaimana yang difikirkan perlu.

Tuan Pengerusi, apakah bezanya di antara pegawai dan kakitangan yang dilantik di bawah subseksyen (1) (a) dengan kakitangan yang dilantik di bawah peruntukan yang lrsedia wujud kerana saya tidak faham apa sebab-sebab keperluan untuk mengadakan pindaan ini dan perbezaan di antara pegawai dan kakitangan yang dilantik di bawah subseksyen (1) (a) dengan kakitangan yang dilantik di bawah peruntukan yang tersedia ada wujud.

Bagi Fasal 8, seksyen 7, Tuan Pengerusi, di antara tugas-tugas yang baru Perbadanan ialah menilai dan memperakui program-program penyelesaian dan latihan pengurusan. Program keusahawanan dan program produktiviti dan pengurusan mula yang dijalankan oleh sektor swasta bagi orang awam.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah Perbadanan akan menetapkan standard kualiti program lalihan, apakah model atau garis panduan- garis panduan asing yang menjadi rujukan semasa menetapkan suatu standard pengukur latihan di Malaysia? Adakah standard ini akan diiktiraf oleh pengusaha asing ataupun boleh membantu mereka yang menerima latihan melanjutkan lagi pembelajarankeluarnegeri, dengan izin, Tuan Pengerusi, advanced courses? Apakah langkah-langkah, ataupun denda yang Perbadanan akan bercadang mengambil terhadap institusi-institusi yang gagal menepati standard-standard itu selepas ditauliahkan? Ini penting,

Tuan Pengerusi. Bagaimanakah Perbadanan bercadang mengawal-seliakan standard latihan institusi-institusi ini secara berkesan kerana misalnya, kalau kita ada 80 syarikat yang menganjurkan latihan-latihan ini, adakah pihak NPC akan menubuhkan satu bahagian penguatkuasaan dengan bilangan anggota yang tertentu untuk melawat, mengkaji dan menilai tiap-tiap program latihan ini? Apakah pula prosedur-prosedur permohonan serta syarat-syarat yang perlu ditepati oleh institusi-institusi latihan swasta supaya ditauliahkan oleh Perbadanan. Adakah bayaran yuran atau lesen tauliah perlu dibayar oleh pemohon yang berjaya?

Tuan Pengerusi, maksud saya ialah kerana tidak disebutkan lesen atau pun pembayaran untuk skim accreditation ini, perlulah dijelaskan dengan lebih teliti untuk diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Fasal 10, yang bertujuan meminda seksyen 9 Akta untuk memberikan kuasa kepada Perbadanan menerima komisyen-komisyen dah juga balasan yang bukan dalam bentuk wang bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikannya. Apakah di antara balasan-balasan bukan dalam bentuk wang yang boleh dibeh kepada Perbadanan bagi perkhidmatan-perkhidmatannya? Adakah ini bermakna sebelum menjadi Perbadanan, bentuk balasan bukan wang ini tidak boleh diterima, hanya balasan wang sahaja yang boleh dibuat. Bukankah hasrat Kerajaan menukar pusat menjadi Perbadanan, bertujuan menjadikan ianya entiti perniagaan, dengan izin, Tuan Pengerusi, commercial entity yang berorientasikan perolehan keuntungan, terutamanya sekali apabila penegasan dialih lebih kepada memberi khidmat nasihat dan penyelidikan produktiviti dan juga pengurusan daripada memberi latihan.

Sekian, terima kasih.

5.27 *ptg.*

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Saya

menjawab yang last dahulu. Mengenai Fasal 10, seksyen 9, mengenai balasan selain daripada wang. Apa yang dimaksudkan ialah sampai masa kini, kita tidak ada peruntukan di dalam Akta ibu yang membolehkan NPC mengambil secara balasan satu perkhidmatan atau satu barang sebagai balasan kepada perkhidmatan atau latihan yang diberi oleh NPC.

Oleh kerana itu, kita cadang pada masa ini untuk meminda Akta dengan membuat peruntukan ini. Umpamanya, kalau MAS hendak latihan atau perkhidmatan daripada NPC dan kita boleh mencadangkan, atau MAS boleh mencadangkan memberikan kepada NPC sebagai balasan, air-tickets umpamanya untuk kegunaan NPC. Ini dibenarkan melalui pindaan yang dibuat pada masa kini, atau kalau kita berikan kursus-kursus QCC kepada Matsushita, umpamanya tahun lalu, peruntukan untuk latihan terhad sahaja atau sudah dilampaui, tidak ada saki baki dalam peruntukan untuk latihan. Mungkin dia boleh cadangkan kepada kita, kita memberikan hawa dingin yang boleh digunakan di dalam NPC sebagai balasan. Itulah matlamat pindaan kepada seksyen ini.

Mengenai seksyen 5, perbezaan di seksyen 5(1), itulah satu cara untuk mengemaskan perkataan-perkataan yang digunakan di dalam Akta ibu yang mengatakan, dengan izin, servant, yang tidak diserap di dalam seksyen 5 (1) (a) pada masa kini. Tetapi daripada intention atau matlamat objektifnya adalah sama dengan peruntukan yang lama. Itulah kegunaan perkataan yang pada masa ini dianggap lebih kena pada tempatnya.

Mengenai tugas baru di bawah seksyen 8 berkenaan soalan kawalselia standard-standard yang dikenakan oleh sektor swasta. Pada masa ini kita tidak ada standard-standard, sebab pada masa ini kita belum ada program-program accreditation yang disebutkan tadi oleh

Yang Berhormat. Tetapi kita mencadangkan oleh kerana kita hendak tukar hala-cara kita daripada peranan yang telah dimainkan sekarang untuk melatih lebih pekerja-pekerja atau pengusahawan-pengusahawan, kita hendak ubah kepada satu role yang baru iaitu hendak meningkatkan produktiviti untuk menjadikan NPC sebagai satu pusat untuk mncrima maklumat atau perundingan dan lain-lain, satu role model yang baru, kita hendak menempatkan tugas untuk melatihkan pekerja-pekerja dan pengusahawan-pengusahawan di atas bahu pihak swasta. Kita mungkin ada 60 atau 70 organisasi swasta di negara kita yang pada masa kini dianggap mampu boleh menjalankan tugas-tugas yang pada masa kini dijalankan oleh NPC. Selepas ini kita akan buat satu peraturan-peraturan yang baru untuk menentukan dengan bantuan daripada APO atau badan-badan antarabangsa yang berkaitan dengan produktiviti untuk menentukan standard-standard untuk diikuti oleh pihak swasta. Itulah matlamat mencadangkan seksyen yang baru ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sama ada cara yang baru tni, role model yang baru ini telahpun dijayakan oleh pihak Jepun ataupun Korea Selatan misalnyaalupun mereka tidak ada pusat langsung, hanya pusat-pusat tersendiri untuk syarikat dan koperasi gergasi sahaja.

Tuan Chua Jui Meng: Soalan itu tepat, jawapannya ia, di negara Jepun umpamanya dan kalau tidak salah Korea Selatan pun adakan konsep-konsep seperti ini dan kita mengambil iktibar daripada negara-negara tersebut bila kita melaksanakan peraturan-peraturan yang baru. Itulah sahaja.

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengantidakapindaan: dibacakankali yang ketiga dan diluuskan.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibaca kali kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 19(2) Akta Saraan Hakim 1971 dan Jadual Pertama Akta tersebut mengenai gaji para hakim. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/88 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/88 telah meluluskan pelarasan gaji bagi pegawai-pegawai dalam kumpulan A, B dan C serta yang setaraf dengannya berkuat-kuasa mulai 1 Oktober 1988.

Olch hal yang demikian, adalah wajar supaya Akta Saraan Hakim 1971 ini dipinda untuk membolehkan pelaksanaan pemberian pelarasan gaji sebanyak \$110 sebulan kepada hakim-hakim pula. Dengan yang demikian pindaan sewajarnya perlu dibuat kepada Akta Saraan Hakim 1971 untuk melaksanakan pelarasan gaji berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan sekarang, seksyen 19(1) Akta Saraan Hakim 1971 memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

boleh setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Seksyen 19(2) pula, memperuniukan bahawa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen kecil (1) boleh meminda atau mengubah peruntukan-peruntukan Jadual Kedua mengenai elaun-elaun dan kemudahan bagi para hakim.

Pindaan kepada seksyen 19(2) adalah dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat apa-apa pindaan kepada peruntukan dalam Jadual Pertama kepada Akta berkenaan sekiranya ada perubahan gaji para hakim di masa akan datang sama seperti kuasa yang telah ditentukan dalam Akta berkenaan bagi meminda Jadual Kedua kepada Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Jadual Pertama kepada Akta pula adalah bagi memperuntukkan kenaikan gaji bulanan hakim-hakim mulai 1hb Oktober, 1988. Paedah kenaikan gaji bulanan ini adalah bagi hakim-hakim yang memegang jawatan pada 1hb Oktober 1988 atau yang dilantik selepas tarikh itu.

Seterusnya jika seseorang hakim yang telah memegang jawatan pada 1hb Oktober 1988 dalam tempoh 1 bulan selepas Akta ini disiarkan dalam *warta* memilih secara bertulis supaya tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini maka hakim tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk melaksanakan pelarasan gaji sebanyak \$110 sebulan kepada para hakim berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1988 dan untuk memperkemas peruntukan-peruntukan berkenaan dengan memberi kuasa kepada Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membuat apa-apajuga pindaan kepada peruniukan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua Akta tersebut sekiranya terdapat perubahan gaji atau perubahan-perubahan lain kepada para hakim di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jelutong.

5.40 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, daripada hujah-hujah oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman tadi, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menaikkan gaji bulanan Hakim-hakim mulai dari 1hb Oktober, 1988. Apa yang perlu ialah bukan sahaja kenaikan gaji-gaji Hakim-hakim di dalam negara kita tetapi apa yang lebih penting dahpada itu ialah memberikan kepada Badan Kehakiman kebebasan yang sudah dicabuli oleh Kerajaan pada tahun 1988. Ini telah menjadi satu sejarah. Dalam Akta ini pun, jikalau Tuan Speaker lihat, apakah tarikh Rang Undang-undang ini jikalau jadi Akta, Akta ini dikuatkuasakan mulai 1hbOktober, 1988. Apayangsaya lihat ialah peruntukan ini mengecualikan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas.

Tuan Speaker, Tun Salleh Abas adalah seorang Ketua Hakim Negara, seorang jaguh undang-undang dan seorang yang sudah menjadi mangsa di

bawah tangan Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1988. Dua Hakim lagi yang telah dipecat pada 4hb Oktober, 1988 ialah Tan Sri Wan Sulaiman dan Tan Sri George Seah. Apa yang saya lihat bahawa kedua-dua Hakim ini bernasib baik oleh kerana mereka tclah dipecat pada 4hb Oktober, 1988, mereka tidak dikecualikan. Bolehkah saya bertanya rakan saya di sana - sekarang menjadi Menteri, dahulu seorang Peguam—oleh kerana apa Tun Salleh Abas lidak mendapat keistimewaan atau peruntukan-peruntukan yang ada terkandung dalam Rang Undang-undang ini?

Saya bacakan, Tuan Speaker, Pemakaian—Pasal 4:

"4. Terlkluk kepada seksyen 5, seksyen 3 hendaklah dipakai bagi semua orang yang telah memegang jawatan sebagai Hakim pada 1hb Oktober 1988 atau yang telah atau dilantik sebagai Hakim selepas larikh itu, walaupun dia mati, meletakkan jawatan atau bersara daripada. . . " dan ini penting dan mustahak atau terhenti daripada. . . "

Ini bermakna, walaupun Tun Salleh Abas telah dipecat, beliau boleh dikatakan adalah juga terhenti daripada jawatan Hakim. Saya hendak mendapat tahu oleh kerana apa Tun Salleh Abas tidak mendapat keistimewaan yang ada di dalam Rang Undang-undng ini. Adakah oleh kerana orang ini berani untuk mencabar Kerajaan apabila Kerajaan mahu mengheniam Hakim-hakim di dalam tahun 1988? Adakah tujuannya itu? Jika itulah tujuannya, maka ini tidaklah ada keadilan di dalam negara kiia.

Pada satu masa dahulu kita tidak ada seperti yang ada sekarang iaitu Menteri Kehakiman. Apa yang harus diadakan ialah Menteri Keadilan. "Kehakiman" dari apa yang saya ada baca di dalam istilah, "Kehakiman" adalah satu badan Judiciary—dalam bahasa Inggeris.

"Justice" dalam Bahasa Malaysia ialah Keadilan. Apakah tugas Yang Berhormat Menteri Kehakiman?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin): Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat bercakap dalam ucapan dasar. Ini Saraan Hakim.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya rasa dasar pun boleh, barangkali bukan dengan luas....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin): Dasar tidak boleh. Kita ikut Saraan....

Tuan R. Karpal Singh: Saya ingat dasar boleh, jikalau saya tidak....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin): Minta berbahas tentang saraan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, persaraan dan tentang Tun Salleh Abas yang ada.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin): Ini Saraan Hakim, bukan Kementerianya.

Tuan R. Karpal Singh: Baik. Itu saya komen juga, Yang Arif Tuan Hakim. (*Disampuk*) (*Ketawa*)—Tuan Speaker, oleh kerana digunakan dalam Mahkamah hari-hari dan Tuan Speaker pun sebagai seorang Hakim di Dewan ini.

Tuan Speaker, apa yang saya lihat di dalam Rang Undang-undang ini dan saya mahu menyentuh kepada apa yang ada dalam seksyen 3—Pindaan Jadual Pertama. Bagi semua Hakim—Ketua Hakim Negara, Hakim Besar Mahkamah Malaya dan Borneo, Hakim-hakim Persekutuan dan Hakim-hakim lain—kenaikan adalah \$110. Ini boleh dikatakan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, it is a pittance. Jika dibandingkan dengan keadaan di Singapura, dua kali ganda dengan apa yang didapati oleh seorang Hakim di Singapura, juga di United Kingdom.

Saya hendak tahu oleh kerana apa yang dikatakan satu kenaikan, apabila saya membaca Rang Undang-undang ini, saya ingatkan kenaikan barangkali \$1,000 atau lebih. Ini \$110—pittance. Ini menjadi satu penghinaan kepada Kehakiman pada fikiran saya, satu insult oleh kerana kenaikan itu hanya \$10 sahaja lebih daripada \$100. (*Ketawa*) Apa yang ada di dalam Jadual ini, Ketua Hakim Negara mendapat \$6,970 sebulan gaji berpencen; Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya \$6,420 sebulan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo \$6,270 sebulan. Di sini saya hendak tahu apa sebabnya ada perbezaan ini?

Hakim Besar bagi Mahkamah Tinggi Malaya \$6,420 dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo kurang. Kurang oleh kerana apa? Kita tidak boleh ada perbezaan ini, ia mesti sama rata. Tidak ada sama rata dalam perkara ini. Saya mahu tahu oleh kerana apa? Adakah kerana Hakim-hakim ini dari Borneo, oleh itu mahu merendahkan kedudukan mereka. Ini tidak baik untuk psikologi dan maruah Hakim Besar di Borneo.

Bukan itu sahaja, di mukasurat 2 Rang Undang-undang ini, Hakim Persekutuan—gaji berpencen \$6,020 sebulan. Siapakah Hakim Persekutuan ini? Kita tidak ada Mahkamah Persekutuan sekarang. Apa yang kita ada sekarang ialah Mahkamah Agung, tidak ada Mahkamah Persekutuan lagi. Saya mahu tahu apakah sebab perkataan "Hakim Persekutuan" digunakan di sini? Dan lain-lain Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya dan di Borneo \$5,570 sebulan—itu sama rata. Itu saya mahu dapat tahu oleh kerana apa ada perbezaan bagi gaji berpencen di antara Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo. Itu satu perkara yang saya mahu bangkitkan.

Dalam hal ini juga, Tuan Speaker, oleh kerana ada dalam sejarah negara kita satu hakim wanita, Yang Arif Puan

Siti Normah. Bolehkah saya dapat tahu oleh kerana apa ada satu sahaja, lidak ada lebih daripada satu? (*Ketawa*) Adakah ini oleh kerana dalam Islam seorang wanita tidak boleh menjatuhkan hukuman mati? Saya ada dengar itu jadi punca oleh kerana ada satu juga. Hakim inipun tidak dibenarkan untuk mendengar kes-kes dadah di mana ada mandatory, hukuman mati. Bolehkah saya dapat tahu oleh kerana apa, adakah ini bertentangan dengan Islam? Jikalau itu, ada banyak wanita-wanita lain di dalam Jabatan Peguam Negara, ada banyak wanita-wanita lain dalam badan peguam-peguam swasta, oleh kerana apa sampai hari ini tidak ada tawaran dibuat kepada wanita-wanita lain yang ada dalam Jabatan Peguam Negara dan dalam badan peguam swasta. Itu juga satu perkara saya mahu bangkitkan hari ini untuk dapat satu jawapan yang boleh diterima.

Hari itu Timbalan Menteri Dalam Negeri apabila saya tanya adakah hukuman mati bertentangan dengan Islam? Beliau bangkit, oh! saya tidak lahu, kena tanya ulama-ulama. Ada ulama-ulama di sini pun, dalam PAS pun ada dan pakar.

Dato' Abdul Raman bin Suliman:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);
Yang Berhormat, sebentar!

Dato' Abdul Raman bin Suliman:
Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau Yang Berhormat dari Jelutong hendak bercakap tentang Islam, dia mesti kena masuk Islam dahulu, belajar tentang Islam sebab jikalau begitu seolah-olah dia menghina Islam.

Yang kedua, saya hendak tanya adakah DAP juga seorang pun tak ada wanita, dia pun tak beri chance juga kepada wanita. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, susah mahu jawab (*Ketawa*)

perkara seperti itu. Saya bukan menghina Islam, itu bukan lujuan saya. Bagi orang Sikh apa yang ada di dalam Quran, separuh bahagian yang ada dalam Quran ada dalam Kitab Sikh, barangkali Yang Berhormat di sana tidak tahu. Bukan menghina Islam. Ini saya mahu tanya juga, adakah hukuman mati mandatory aiau tidak mandatory pun bertentangan dengan Islam. Hari itu oleh kerana tidak ada berjumpa ulama-ulama, tidak tahu. Barangkali hari ini Menteri Kehakiman boleh jawab apa yang Timbalan Menteri Dalam Negeri enggan jawab hari itu.

Tuan Speaker, tugas-tugas hakim adalah tugas-tugas berat. Kenaikan gaji yang ada diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini adalah sangat rendah. Seorang hakim adalah seorang yang ada kehidupan yang luar biasa. Oleh kerana sebagai hakim, beliau tidak boleh buat apa yang orang ramai boleh buat. Dengan izin, he is in an ivory tower cloistered. Lagi bertambah, oleh kerana dalam negara kita sekarang ada banyak undang-undang, termasuk ISA di mana ada hukuman mati mandatory, seksyen 57, bukan kuasa ada diberi kepada Menteri Dalam Negeri untuk menahan seseorang di bawah seksyen 8 (1), tetapi ada peruntukan untuk hukuman mati. Dalam kes dadah ada hukuman mati mandatory. Di bawah Arms Act, dengan izin, ada hukuman itu juga. Sclepas tahun 1976 kes-kes ini tidak boleh dibicarakan dengan jury, tidak ada jury lagi. Masa dahulu di mana ada satu hukuman mati, tentu ada apa yang dikatakan trial by jury. Sekarang seorang hakim juga adalah seorang yang sunyi dalam perkara ini oleh kerana tidak ada tujuh orang lain untuk buat keputusan beliau sendiri aias fakta dan undang-undang kena buat keputusan. . . .

Dato' Abdul Raman bin Suliman:
Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat, point of order.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: 36 (1). Saya tengok Yang Berhormat dari Jelutong ini bercakap fasal yang lain-lain, tidak fasal Saraan. Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan berkenaan dengan Saraan hakim, tetapi dia bercakap hal Kementerian Dalam Negeri, ISA ini, apa benda?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya setuju dengan pendapat dia.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, oleh kerana \$ 110 juga gaji yang dinaikkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Sudah melencung jauh, tentang saraan.

Tuan R. Karpal Singh: Saraan, betul. Tetapi ini tidak mencukupi oleh kerana bertanggungjawab tugas-tugas hakim-hakim adalah seperti apa yang saya beri contoh ini. Adakah ini cukup? Ini bukan tentangan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Jangan menyimpang terlalu jauh. Ini tentang saraan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Betul, Tuan Speaker. \$110 ini adakah cukup apabila seseorang hakim ada kesulitan, kesusahan oleh kerana beliau dapat buat keputusan dalam keadaan itu? Ini bukan satu isu politik.....

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Ya, ada lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ini banyak kacau hari ini, apa? (*Ketawa*)

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tadi Yang Berhormat dari Jelutong lelah baca gaji hakim \$6,000 lebih, ini

naik \$110. Dia kata gaji hakim \$110. Nampaknya dia hendak menyeleweng dalam Dewan, bawa pergi ke lain.

Tuan R. Karpal Singh: Kenaikan \$110. *Apa \agil (Ketawa)*

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Campur \$6,000 lebih!

Tuan R. Karpal Singh: Ya, kenaikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Sila bincang tentang kenaikan \$110.

Tuan R. Karpal Singh: Rang Undang-undang ini untuk kenaikan, bukan apa yang ada dalam Akta ibu. Tak ada faham, mahu kacau. (*Ketawa*) Jikalau seorang lawyer pun tidak apa, saya tidak tahu siapa dia, apa kerja dia. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau mahu kacau, tentu bersedia, jangan berdiri dan ganggu seorang yang ada mengambil bahagian dalam perbahasan.....

Dato' Alias bin Md. Ali: Minlajalan.

Dato* Abdul Raman bin Suliman: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Sana dahulu, blok C!

Tuan R. Karpal Singh:... tidak ada apa-apa point.....

Dato' Alias bin Md. Ali: Mintajalan. Kalau Yang Berhormat dari Jelutong fikir gaji ini tak cukup, berapa agaknya yang cukup?

Tuan R. Karpal Singh: \$10,000 barangkali. (*Ketawa*) Oleh kerana dalam negara ini, Tuan Speaker, ada undang-undang di mana seorang hakim ada

kesulitan oleh kerana mahu apply apa yang adalah made by Parliament. Dalam pengalaman saya, di Mahkamah Tinggi Alor Selar, apabila seorang hakim, saya tidak mahu sebut nama di sini, itu orang yang baik.....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Larut bangun. Hendak beri jalan?

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Beri chance sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ini peguam!

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tadi Yang Berhormat dari Jelutong apabila mula ucapan mukadimah mengatakan gaji hakim tak perlu, bahkan kebebasan. Tetapi dalam saat ini, gaji pula yang lebih mustahak daripada kebebasan. Sila beri penerangan.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya cakap bukan itu juga, ada lain. Kepentingan kebebasan kehakiman lagi berat daripada apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini. Dia inipun seorang lawyer, tetapi tak faham. (*Ketawa*) Susah mahu cari makan di sini, Tuan Speaker. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya kata tadi.....

Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bangun lagi, tidak puas hati agaknya.

Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta point of order 36(6), dia kata saya lawyer tidak faham, susah. Saya pun susah juga hendak cari makan dalam Dewan ini. Dia menghina saya dan dia kata saya tidak faham. Yang sebenarnya saya faham, tetapi saya....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Nantilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangkit tcniang apa?

Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 36 (6), sakit hati saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangkit point of order.

Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Yang sebenarnya saya faham, tetapi kalau lawyer itu berbelit sangat, lawyer yang sah dan dengan izin, sincere, susah hendak faham.

Tuan R. Karpal Singh: Itu bukan point of order—itu pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Biarkan dia! Dia beri nasihat kepada dia sendiri, bukan kepada saya. Apa yang saya kata tadi, Tuan Speaker, dalam Mahkamah Tinggi Alor Setar, pada satu masa, seorang Hakim beragama Islam, hakim yang baik, ikut Islam dengan benar, apabila beliau mahu jatuhkan hukuman mati, beliau ada dalam bilik hakim—sembahyang, oleh kerana dalam conscience, beliau tidak boleh menjatuhkan hukuman seperti itu, oleh

kerana mandatory. Tidak ada apa-apa mitigating factor yang boleh diambil kira selepas keterangan diberi oleh pendawaan dan apabila pembelaan ada memberi keterangan. Dan apabila hakim itu tidak ada jalan lain, tetapi menjatuhkan hukuman mati, dia sembahyang. Ini adalah kesulitan dan kesusahan satu hakim, bukan senang. Dan hari-hari dalam.....

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri bangun.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat ini bercakap berkenaan ugama, implikasi dia, seolah-olah mengatakan bahawa undang-undang yang dibuat menyalahi agama Islam dan beliau mendakwa bahawa seseorang hakim itu sukar untuk melaksanakan undang-undang ini. Saya rasa perkara ini tidak wajar dibincang secara ini, kerana ini memberikan gambaran yang tidak berapa kena. Kalau hendak bincang berkenaan dengan undang-undang dalam negara, kita perlu sedar undang-undang dibuat dalatn Parlimen ini perlu dilaksanakan oleh pihak kehakiman. Kalau pihak kehakiman tidak bersetuju, dia boleh keluarkan pandangan-pandangan yang berkenaan, berkaitan. Kalau sesuatu undang-undang itu sah maka menjadi tanggungjawab pihak hakim untuk menguatkuasakan. Kalau pihak hakim berasa itu berat, maka dia boleh buat pilihan untuk terus mcjadi hakim ataupun berhenti daripada menjadi hakim. Saya berpendapat tidak perlu dibincang cara Yang Berhormat bincangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya mahu sebutkan, Yang Arif Tuan Speaker, ialah kesusahan seseorang

hakim. Betul apa yang diperuntukkan oleh Parlimen, jadi satu Akta Parlimen, seseorang hakim tidak ada pilihan lain, tidak ada jalan lain, tetapi melaksanakan apa yang ada dalam undang-undang itu. Tetapi jikalau ada undang-undang zalim seperti ISA, hukuman mati mandatory.. . . .

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bangun lagi.....

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan atau.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya hendak sebut sekali lagi. Nampaknya Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan susah bagt hakim. Jadi, kerana itu dia minta supaya tambahkan lagi gaji. Jadi, kerana tambah gaji senanglah, tidak payah tanggung masalah yang disebutkan tadi. Saya berpendapat ini satu pendirian yang tidak jelas cakap di sana, lain bercakap di sini. Ini cara, minta maaflah, cara loyar inilah bercakap. Dia ingat ini ialah mahkamah. Dia lupa agaknya ini ialah dalam Dewan, bukan dalam mahkamah. Sebab itu dia merujuk kepada Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang Ariff, dia ingat ini mahkamah lagi. Cakap macam dalam mahkamah.

Tuan R. Karpal Singh: Ini apa yang dikatakan narrow minded. Apa yang benar saya mahu beritahu kesulitan dan kesusahan seseorang Hakim itu.

Dato' Alias bin Md. Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Satu Ahli bangun lagi, mahu beri jalankah tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Apa ini point of order atau mahu kacau?

Dato' Alias bin Md. Ali: Mintajalan. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bahawa kerja hakim adalah susah. Samajuga susahnya kerja seorang petani yang menyangkul tanah untuk tanam padi ataupun nelayan yang pergi ke laut susah juga, kerani yang bekerja di pejabat pun susah juga, semuanya susah. Tidak ada kerja yang senang. Maka itu adakah Yang Berhormat memikirkan kerana semua kerja susah, maka semua kerja patut naik gaji, kalau kita ikut logik pemikiran Yang Berhormat dari Jelutong?

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada perbezaan tugas-tugas Hakim di mana hendak menjatuhkan hukuman mati dan tugas-tugas pelani, Biarlah, tidak payah untuk cakap lebih dari itu.

Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada bangun lagi sebelah sana, beri jalankah?

Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mendengar sedikit penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat dari Jelutong tadi sedang membincangkan dari segi saraan hakim dan beliau menyebut tidak bersetuju dengan jumlah yang ada, sebaik-sebaiknya \$10.000. Dan beliau menggambarkan salah satu sebab ialah kesusahan seorang hakim dalam hendak menjatuhkan hukuman. Beliau memberi contoh bagaimana seorang hakim itu mempunyai satu conscientious objection kepada undang-undang ataupun hukuman yang mesti dijatuhkan. Sebagai contoh, seorang hakim kena sembahyang, mungkinlah hendak minta ampun kerana hendak menjatuhkan hukuman mati yang tidak patut beliau jatuhkan kerana mandatory. Adakah Yang Berhormat dari Jelutong berfikiran ataupun berpendapat bahawa dengan menambahkan gaji \$4,000 lagi dapat menggantikan conscience hakim tersebut, seolah-olah, hujah beliau,

conscience itu dapat dijual-beli dengan wang ringgit sebanyak \$4,000. Kalau ini pandangan beliau, saya tidak tahulah macam mana rupanya bentuk keadilan (sense of justice) yang ditikirkkan oleh pihak DAP.

Tuan R. Karpal Singh: Ini pun nampaknya narrow minded dengan izin. Apa yang saya memberi contoh kesulitan, Tuan Speaker. Tuan Speaker, lagi satu contoh dalam tahun 1977 di Pulau Pinang, Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang apabila seorang hakim menjatuhkan hukum mati atas seorang budak yang berumur 14 tahun, oleh kerana mandatory tidak ada apa-apa pilihan. Apa yang saya kata tadi seorang hakim bukan boleh hidup seperti biasa oleh kerana ada kesulitan ini. Dan apa yang ada diperuntukkan saya tidak boleh "terima.

Dengan itu, Tuan Hakim (*Ketawa*), Tuan Speaker, saya bantah sekeras-kerasnya Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahimddin): Bukit Bintang.

6.09 *ptg.*

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju apa yang dihujahkan oleh Ahli Parlimen dari Jelutong. Saya rasa Rang Undang-undang saraan Hakim (Pindaan) ini sebuah Rang Undang-undang seperti untuk menghina Hakim-hakim di negara kita. Menaikkan gaji \$110.00 kepada Hakim-hakim kita yang bertugas, tanggungjawabnya besar dan banyak mendapat \$110.00 ini tidak menghormati jawatan Hakim. Kalau kita lihat, seperti Yang Berhormat lain di Dewan yang mulia ini juga boleh lihat Chief Executive atau Ketua Pengarah Bank Bumiputrah, bank yang lainkah atau badan-badan Kerajaan yang lain, saya rasa dapat gaji yang lebih dari ini.

Kalau kata Chief Executive Bank Bumiputra, saya rasa dia dapat yang paling sedikit pun \$15,000 sebulan. Hakim-hakim kita sekarang dapat \$6,970—Ketua Hakim Negara (Lord President)—ini bukan hakim biasa, hakim yang paling tinggi di negara kita.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Dia hendak kacau atau hendak tanya?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Penjelasan.

Tuan Wee Choo Keong: Tidak ganggu?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tidak ganggu, tidak kacau.

Tuan Wee Choo Keong: Okay.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya hendak tanya Yang Berhormat kerana Yang Berhormat bandingkan gaji Hakim dengan gaji Eksekutif Bank. Saya bertanya Yang Berhormat tahukah gaji Perdana Menteri berapa?

Tuan Wee Choo Keong: Perdana Menteri pun yang paling tinggi \$10,000. Tetapi selain daripada itu, pendapatan daripada lain itu lagi banyak. Yang itu kita bimbang, kita takut. Itu saya tahu.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Maknanya Yang Berhormat tidak tahu. Jadi, bercakap.

Tuan Wee Choo Keong: Jangan kacau!

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Bukan kacau. Ini penjelasan. Bercakap biar selaras supaya bila.....

Tuan Wee Choo Keong: Saya sudah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, beri jalan alau tidak?

Tuan Wee Choo Keong: Sekarang dia tidak tnta jalan.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekarang ini hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Wee Choo Keong: Kalau dia hendak kacau begitu, saya tidak beri jalan. Akan habis masa Dewan yang mulia ini.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Yang Berhormat bincang, saya ingat kalau hendak rujuk gaji, patut rujuk dengan gaji Perdana Menteri, bukan rujuk ke luar, tadi macam Yang Berhormat dah Jelutong - rujuk gaji di Singapura. Kalau itu, kita boleh rujuk gaji di Amerika Syarikat dan sudah tentu ini tidak ada kaitan dalam perbincangan kita. Jadi, maknanya bila satu-satu perbincangandibuatbegitu,rumusnya menjadi songsang. Kalau pun katanya pemikiran sempit, pemikiran luas pun kalau songsang, tidak ada gunanya.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, inilah contoh pemikiran songsang seorang Timbalan Menteri sebab kita membandingkan gaji Ketua Hakim Negara kita. Dia bercakap kena bandingkan dengan Perdana Menteri. Saya pun sudah beri dia penjelasan iaitu Perdana Menteri yang paling tinggi pun dapat \$ 10,000. Kalau tidak ada, \$ 15,000. (*Ketawa*) (*Disampuk*) Alah! Kalau tidak ada, dia dapat rumah di sini, di sana, di seluruh negara, wangnya dari mana? Itu.

....

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, saya rasa dia hendak kacau sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak beh atau tidak? Itu sahaja.

Tuan Wee Choo Keong: Ter-serahlah.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Yang Berhormat dan saya minta macam inilah, kita bercakap baik-baik, bincang dalam Dewan. Biarlah bercakap berkenaan perkara-perkara yang ada fakta. Kalau kita borong, kata sekurang-kurangnya \$10,000, \$15,000. ada rumah sana, ada rumah sini, Yang Berhormat bercakap sebagai Yang Berhormat, orang yang bertanggungjawab. Saya teringat itu sahajalah kerana benda ini masuk dalatn *Hansard* kita esok. Yang Berhormat tengok, cuba semak dengan kenyataan-kenyataan supaya apabila orang lihat, orang kata Yang Berhormat dari DAP ini juga bercakap sebagai orang yang bertanggungjawab. Itu sahaja.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, tokoh-tokoh politik dan Ahli-ahli Parlimen DAP semua bertanggungjawab. Apa yang kita cakap bukannya cakap main-main. Apa yang saya cakap tadi bukan saya ambil dari angin atau dari bulan. Ini saya dengar daripada ahli-ahli UMNO Baru atau UMNO yang dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Wee Choo Keong: Jadi, Tuan Pengerusi, tadi hanya.....

Dato' Alias bin Md. Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun lagi.

Tuan Wee Choo Keong: Dia hendak kacau saya pula. Saya hendak berucap mengenai Rang Undang-undang ini, dia hendak kacau.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya hendak minta penjelasan supaya kita membetulkan satu fakta.

Tuan Wee Choo Keong: Ter-serahlah.

Dato' Alias bin Md. Ali: Sama ada Yang Berhormat daripada DAP itu sedar atau tidak bahawa gaji Perdana Menteri dan juga Menteri-menteri adalah terkandung dalam saranan Akta yang dibentang dan diluluskan dalam Dewan ini, dan kemudahan-kemudahan yang diberi kepadanya tidak melebihi daripada apa yang ada dalam akta. Kalau sekiranya gaji Lord President dan Hakim-hakim lain perlu dinaikkan, katakanlah \$10,000, maka untuk menyesuaikan sebagai Ketua Eksekutif Kerajaan Persekutuan, sepatutnya gaji Perdana Menteri dan Menteri-menteri tentulah akan lebih daripada \$10,000. Saya hendak tanya sama ada DAP berpendirian seperti itu atau tidak?

Tuan Wee Choo Keong: Soal ini, saya rasa Yang Berhormat daripada sebelah sana itu yang paling baik tanya Perdana Menteri sendiri (*Ketawa*) sebab saya bukan dia, oleh sebab saya tidak tahu.

Dato' Alias bin Md. Ali: (*Bangun*)

Tuan Wee Choo Keong: Nanti, nanti. Saya hendak jawab lagi. Saya rasa kalau bandingkan begitu, lebih baik kita bandingkan dengan kita—iaitu gaji Ahli Parlimen yang \$3,000. Memang kawan saya di sebelah sana rasa tidak cukup juga. Betul atau tidak? Jadi, itu jangan kacau. Kita di Dewan ini hendak membincangkan Rang Undang-undang secara serius, bukan main-main sahaja.

Jadi, saya kata gaji Ketua Hakim Negara kita ini dinaikkan \$ 110 ini adalah terpalang sedikit yang menghina kehakiman negara kita. Oleh kerana kita semua tahu atau diketahui oleh orang awam di negara kita, pada tahun 1988 kebebasan kehakiman di negara kita sudah terjejas oleh Kerajaan Barisan di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad dan Ketua Hakim Negara pada masa itu, Tun Salleh Abas dipcat, dengan cara yang saya rasa kawan-kawan di sebelah sana pun tidak boleh sanggup, hari "Ihb Mei" pun dia tidak tahu hari apa—hari Selasakah, hari Rabukah, mereka Udak tahu. Mereka pun tahu kehakiman di dalam negara kita sangat penting. Dalam negara kita ada Parlimen—'Judiciary'. Ini seperti "checks and balances", dengan izin, dan juga prinsip "separation of power". Kalau kita menghina hakim seperti begini, memberi mereka Yang Arif—Yang Arif ini \$ 110; diketahui oleh orang awam, bagaimana rakyat jelita boleh menghormati mereka?

Beberapa Ahli: Jelata, bukan jelita!

Tuan Wee Choo Keong: Jelita juga. Jelata, jelita serupajuga. Tengok! Begini pun hendak kacau saya.

Kalau kita memberi kenaikan gaji \$110 ini kepada Ketua Hakim Negara dan gaji-gaji yang dinaikkan kepada Chief Executive bank-bank dan corporations di negara kita dengan ribu-ribu ringgit—\$5,000, \$2,000, \$10,000. Bagaimana? Begini kita buat malu Hakim—maruah mereka terjejas oleh Rang Undang-undang ini. (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi, tengok! Diganggu begini!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada apa itu?

Tuan Wee Choo Keong: Kelakuan yang tidak berparlimen. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, jangan ganggu.

Tuan Wee Choo Keong: Kalau hendak bercakap, tolong berdiri. Jangan takut!

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri jalan kepada Setiausaha Parlimen?

Tuan Othman bin Abdul: Saya minta penjelasan, Yang Berhormat boleh nasihatkanlah siapa-siapa yang hendak berhenti Hakim-hakim di negara kita kerjalah dengan private sector, dapat gaji \$ 15,000 sebulan. Tak payah. Kalau Yang Berhormat pun hendak berhenti dari Ahli Dewan Rakyat, \$3,000 dia rasa tidak cukup, berkerjalah dengan bank, mana-mana bank yang suka menerima ahli DAP. Hendak bandingkan dengan bank, ini Kerajaan. Kalau mampu Kerajaan bayar. Cakap "all the nonsense".

Tuan Wee Choo Keong: Iniih saya katakan kelakuan yang childish, dengan izin. Seperti budak kecil cakap di dalam Dewan ini. Saya rasa malu duduk dengan seorang begitu.

Tuan Othman bin Abdul: Okay, bandingkan dengan orang dewasa. Bermaksud ataupun penjelasan perbincangan seorang yang dewasa. Tunjukkan kualiti perbincangan yang baik.

Tuan Wee Choo Keong: Bodoh!

Tuan Othman bin Abdul: Ini kalau diulang-ulang satu point yang sama dengan Jelutong, kita kenal larna Jelutong ini. Junior dalam Parlimen. Saya sudah lama di sini walaupun umur saya mudalah. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Wee Choo Keong: You ingatnya.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Kalau seseorang itu hendak mengganggu, memang mengikut peraturan yang tertentu. Nampaknya Pendang itu tidak ikut peraturan.

Tuan Othman bin Abdul: Pendang tidak ikut, saya.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 37.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah dahulu. Duduk dulu. Saya bangun, yang di sana duduk, Speaker beri, peraturan mana lagi hendak pakai? Nampak makin tua makin bodohlah dia. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, baik dia tarik balik "bodoh" itu. Saya minta dia tarik balik, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: . . . kerana kita membincangkan di sini dengan secara serius.

Tuan Othman bin Abdul: Tidak apalah, saya tarik balik perkataan "bodoh". Tetapi nampaknya Yang Berhormat ini senior sama saya juga di dalam Dewan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya lebih senior lagi.

Tuan Othman bin Abdul: Tidak apa, lebih senior itu betul, saya mengaku. Tetapi soalnya peraturan, bila saya bangun, ahli DAP duduk, makna dia beri jalan kepada saya dan Speaker benarkan. Yang Ahli Yang Berhormat Kepong bangun buat susah-susah, buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):

Yang Berhormat dari Kepong tadi itu tunduk, tidak nampak dia, dia beri jalan. Teruskan.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dia ini kenapa saya kata seperti itu, dia kata dia orang tua, mungkin dia ada jangkit. Tidak mesti dia seorang dewasa di mental age—yang penting ialah mental age yang seperti 10 tahun dalam negara ini. Saya rasa sangat terkecewa standard Ahti Parlimen Barisan Nasional bcgitu. Kita ini hendak bincang Rang Undang-undang. Jadinya (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, bertenang.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti-mana yang saya kata tadi, kita boleh menyaksikan di dalam negara kita gaji-gaji yang dinaikkan kepada Chief Executives badan-badan Kerajaan (Corporations) seperti UDA, saya rasa mesti lebih dari \$110 dan gaji asalnya juga mesti lebih daripada \$6,800 sebulan. Kalau Kerajaan Barisan Nasional ini menghormati Kehakiman di negara kita, saya rasa Kerajaan ini mesii buat satu pindaan dan bukan memberi \$110 kepada Hakim-hakim di negara kita seperti Ketua Hakim Negara. Yang ini kita boleh kata satu punca atau bukti yang jelas dan kita boleh lihat bahawa Kerajaan ini tidak hormat Kehakiman di dalam negara kita. Mengapa saya kata tadi Kerajaan ini tidak mahu hormat Kehakiman? Oleh kerana Kerajaan yang diktator. Kerajaan yang tidak mengambil kira kuasa-kuasa rakyat, hak-hak rakyat. Kerajaan ini tahu kalau Kehakiman di negara kita ini ada.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Pendang bangun lagi, hendak beri jalan?

Tuan Wee Choo Keong: Saya rasa kalau kita beri jalan kepada orang.....

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak minta penjelasan. Apakah itu takrif "kuasa-kuasa rakyat"?

Tuan Wee Choo Keong: Saya belum duduk, you duduk dahulu.

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak tanya takrif kuasa rakyat.

Tuan Wee Choo Keong: You duduk dahulu, you duduk dahulu, tolong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar....

Tuan Othman bin Abdul: Takut! Saya hendak tanya takrif kuasa rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

Tuan Wee Choo Keong: Saya tidak takut.

Tuan Othman bin Abdul: Okay, duduk dahulu.

Tuan Wee Choo Keong: Nanti saya duduk, baru you cakap.

Seorang Ahli: Sebab dia junior, dia takut.

Tuan Othman bin Abdul: Okay. Saya hendak tanya takrif "kuasa rakyat" di mahkamah ataupun di Dewan. Di Dewan ini ataupun di mahkamah?

Tuan Wee Choo Keong: Apa yang awak tanya? (*Ketawa*)

Tuan Othman bin Abdul: Apabenda itu takrif "kuasa rakyat"? Adakah di mahkamah ataupun di dalam Dewan ini?

Tuan Wee Choo Keong: Takrif Kuasa rakyat di Dewan ini melalui Ahli-ahli Parlimen. Bagaimanapun, kalau

Ahli Parlimen yang begini memang itu tidak menghormati rakyat di luar. (*Disampuk*) Jangan fikir kerana dia dapat sokongan dari ramai Ahli Parlimen di sini, jadinya rakyat yang sokong. Kita harus tengok popular vote.

Tuan Othman bin Abdul: Penjelasan. Kalau kuasa rakyat itu membenarkan Yang Berhormat bercakap, berhujah, mengutuk manusia lain di dalam Dewan ini, kuasa rakyat yang dibekalkan itu digunakan dengan tidak betul. Ini kita bercakap di atas kuasa rakyat. Kalau rakyat tidak memilih, saya tidak akan dapat bercakap di sini. Itu kuasa rakyat. Tetapi nampaknya Yang Berhormat ini tidak faham langsung tentang kuasa rakyat.

Tuan Wee Choo Keong: Kuasa rakyat yang diberi kepada Yang Berhormat itu kerana tipu pada pilihanraya yang baru-baru ini oleh kerana menggunakan wang politik.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Kalau ada tipu, besok saya boleh letak jawatan dan Yang Berhormat pun letak jawatan, kita bertanding di Pendang, okay? Challenge, mahu? Kalau tipu, sayaboleh letak jawatan besok dan Yang Berhormat pun letak jawatan, kita bertanding di Pendang. All right? Beranikah? Penakut!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar

Tuan Wee Choo Keong: Kalau dia yang cabar saya, dan dia juga kata dia old-timer, dia mesti pergi ke Bukit Bintang. Anytime kalau Bukit Bintang. Beranikah pergi ke Bukit Bintang? Kita boleh gandakan 10,000 undi dahulu, kalau beliau berani.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar.....

Tuan Othman bin Abdul: Siapa cabar siapa? Saya katakan saya.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah menyimpang jauh daripada pokok. Jam pun sudah hampir. Beri diapeluang. Ya, teruskan.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak berucap di sini pun susah. Kita ada budak-budak yang hendak kacau terus.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada seorang Ahli Yang Berhormat bangun di sana—Block "C".

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Point of order 36 (1), seorang Ahli hendaklah bercakap kepada perkara yang dibahaskan.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak mengacau. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia, saya rasa adalah keterlaluan untuk siapa-siapa yang mengatakan atau mengeluarkan cakap-cakap yang terlalu 'sweeping', dengan emosi dan nafsu sahaja. Oleh kerana perkataan 'diktator*' dan sebagainya adalah perkataan political yang dikeluarkan tanpa asas-asas yang sewajarnya.

Tuan Wee Choo Keong: Perkataan 'diktator' ini bukan perkataan politik atau apa. Ini perkataan terdapat di dalam dictionary dan di dalam buku yang kita baca ada jugak perkataan "diktator". Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bercakap sebentar tadi, tolonglah menasihatkan kawan-kawan di belakang itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Wee Choo Keong: Jadi, seperti yang saya kata tadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat daripada sebelah sana, janganlah kacau lagi, kalau tidak, kita hanya menghabiskan masa sahaja. Saya katakan tadi kenaikan gaji sebanyak \$ 110 ini menghina Kehakiman di negara kita. Seperti Parlimen juga Kehakiman adalah sebuah badan di dalam Perlembagaan kita - Security of tenure dalam Perlembagaan kita ada. Jadi kita tidak boleh buat begini, menaikkan gajinya di Dewan ini kepada \$110. Bagaimana kalau kita di Dewan ini tidak hormati Kehakiman di negara kita? Bagaimana rakyat di luar boleh hormati Kehakiman, Hakim-hakim di negara kita? Bagaimana mereka boleh dapat satu keyakinan atau confidence? Kita semua tahu, saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan ini pun tahu juga, bahawa sekarang ada crisis of confidence, dengan izin, (*Disampuk*) di dalam Kehakiman.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bertenang.

Tuan Wee Choo Keong: Sungguh ini crisis of confidence.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Wee Choo Keong: You duduklah, kalau tidak faham, tolong duduk.

Tuan Othman bin Abdul: Junior duduk, apa dia crisis of confidence?

Tuan Wee Choo Keong: Dia tak faham, orang lain sudah faham.

Tuan Othman bin Abdul: Apa crisis of confidence, apa bukti?

Seorang Ahli: Apa bukti?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, mana satu yang hendak bercakap?

Tuan Othman bin Abdul: Apa buktinya. Crisis of confidence, apa dia?

Seorang Ahli: Cakap sahaja.

Tuan Wee Choo Keong: Saya tidak mahu beri jalan

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Point of order, masa sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, terima kasih, sambung minggu depan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.